




eISSN 2716-6813  
  
9 772716 681002

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

SIRI 8 | 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA





JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA

**SIRI 8 | 2022**

## Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan (AES) 2022 bermula dari 15 April 2022 sehingga 30 September 2022.

DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini.  
Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan

[https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia  
Blok C6, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62514 Putrajaya,  
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000  
Faks : 03-8888 9248  
Portal : <https://www.dosm.gov.my>  
Facebook : [www.facebook.com/StatsMalaysia](https://www.facebook.com/StatsMalaysia)  
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>  
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 30 Ogos 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

**eISSN 2716-6813**

# KANDUNGAN

02	TINTA KETUA PERANGKAWAN	
04	PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN	
08	SOROTAN PENTING	
10	BAROMETER EKONOMI	
12	PERSPEKTIF KESELURUHAN	
16	RENCANA	37
25	SNAPSHOT	44
26	PERTANIAN	
31	INDUSTRI DAN PEMBUATAN	50
34	PERKHIDMATAN	55
		58
		72
		73
		SEKTOR LUARAN
		SENARIO BURUH
		HARGA
		WAY FORWARD
		INDIKATOR EKONOMI
		AHLI MESR
		PENGHARGAAN

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan pengguna dan pembaca ke Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 8/2022. Edisi kelapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2022 ini membincangkan prestasi ekonomi negara yang terkini berdasarkan statistik makroekonomi rasmi yang dikeluarkan oleh DOSM, menelusuri situasi ekonomi bagi suku tahun kedua 2022 dan Jun 2022, serta statistik terpilih bagi bulan Julai 2022. Selain itu, edisi ini memaparkan artikel bertajuk “**Penglibatan Orang Tengah dalam Proses Pemasaran Pertanian dan Kesannya terhadap Harga Produk Pertanian**” yang mengkaji peranan orang tengah terhadap harga produk pertanian di peringkat pengguna.

Selepas dua tahun mengharungi cabaran sosio-ekonomi akibat pandemik COVID-19, kebanyakan negara telah mengadaptasi kebiasaan baharu dan beralih kepada fasa endemik. Namun begitu, ketegangan geopolitik antara Russia dan Ukraine telah menimbulkan ancaman kepada pemulihan ekonomi global dengan kesan domino gangguan rantaian bekalan dari segi kenaikan harga komoditi yang menyebabkan tekanan inflasi dan seterusnya pelaksanaan dasar monetari yang lebih ketat untuk mengawal inflasi yang melonjak. Mengambil kira cabaran baharu ini, *International Monetary Fund* (IMF) telah menyemak turun unjuran pertumbuhan global sebanyak 0.4 mata peratus kepada 3.2 peratus pada 2022, manakala ramalan untuk 2023 dikaji semula kepada 2.9 peratus, lebih rendah sebanyak 0.7 mata peratus daripada unjuran pada April 2022 oleh *World Economic Outlook*. Pada masa yang sama, *Asian Development Outlook* (ADO) juga menurunkan unjuran untuk pertumbuhan ekonomi membangun Asia daripada 5.2 peratus kepada 4.6 peratus pada 2022, manakala unjuran untuk 2023 dikurangkan sebanyak 0.1 mata peratus kepada 5.2 peratus.

Walaupun begitu, prestasi ekonomi adalah berbeza mengikut negara dan wilayah pada suku tahun kedua 2022. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) United Kingdom (UK) turun 0.1 peratus selepas meningkat 0.8 peratus pada suku tahun pertama 2022. Sebaliknya, negara jiran Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih baik pada suku tahun kedua 2022 dengan Singapore mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus berbanding 3.8 peratus pada suku tahun sebelumnya; manakala KDNK Vietnam melonjak sebanyak 7.7 peratus, lebih tinggi daripada pertumbuhan negara berkenaan pada suku tahun yang sama dari 2011 hingga 2021.

Setelah negara mengumumkan peralihan kepada fasa endemik dan membuka semula sempadan antarabangsa sejak April 2022, KDNK Malaysia pada suku tahun kedua 2022 berkembang lagi sebanyak 8.9 peratus selepas pertumbuhan 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. KDNK negara telah berada di jajaran positif dalam tempoh tiga bulan, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 5.6 peratus pada April, 5.0 peratus pada Mei dan lonjakan sebanyak 16.5 peratus pada Jun. Namun, peningkatan ketara pada Jun adalah dibandingkan dengan asas yang rendah berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh pada bulan yang sama tahun 2021. Dari segi penawaran, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan terus memacu ekonomi pada suku tahun kedua 2022, manakala permintaan didorong oleh pengembangan dua digit dalam Perbelanjaan penggunaan akhir swasta, disokong oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam Pengangkutan, Makanan & minuman bukan alkohol serta Restoran & hotel. Selain itu, prestasi ini juga dirangsang oleh pemulihan dalam Pembentukan modal tetap kasar.

Pada suku tahun kedua 2022 menyaksikan Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mencatatkan peningkatan sebanyak 6.9 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya, berikutan pertumbuhan positif indeks Pembuatan dan Elektrik. Nilai jualan Pembuatan mencatatkan peningkatan dua digit yang lebih kukuh sebanyak 17.4 peratus kepada RM443.5 bilion, didorong oleh pembuatan Produk elektrik & elektronik; Produk petroleum, kimia, getah & plastik; dan Produk makanan, minuman & tembakau. Permintaan domestik yang lebih kukuh dicerminkan oleh pertumbuhan nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit sebanyak 25.3 peratus kepada RM390.3 bilion.

Prestasi ekonomi yang menggalakkan telah mendorong peningkatan berterusan dalam pasaran buruh pada suku tahun kedua 2022. Permintaan terhadap buruh oleh sektor ekonomi yang dicerminkan oleh bilangan jawatan terus meningkat sebanyak 3.2 peratus tahun ke tahun kepada 8.62 juta jawatan. Dari segi penawaran, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 3.2 peratus kepada 15.7 juta manakala bilangan penganggur menurun kepada 642.0 ribu, mencatatkan kadar pengangguran suku tahunan terendah sejak pandemik, iaitu 3.9 peratus.

Dari perspektif harga, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 2.8 peratus kepada 126.6 pada suku tahun kedua 2022 berbanding 123.1 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya, diterajui oleh Makanan & minuman bukan alkohol, Pengangkutan dan Restoran & hotel. Inflasi Malaysia meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 pada Julai 2022 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan mencatatkan peningkatan sebanyak 11.1 peratus pada suku tahun kedua 2022 berikutan kenaikan indeks Perlombongan, Pertanian, perhutanan & perikanan, Pembuatan dan Bekalan Air. IHPR menyederhana dengan 7.6 peratus pada Julai 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya disumbangkan oleh Indeks Pembuatan.

Bagi sektor luaran, perdagangan barang Malaysia kekal memberangsangkan dengan jumlah dagangan meningkat kepada paras tertinggi baharu sebanyak RM730.4 bilion pada suku tahun kedua 2022. Eksport dan import masing-masing terus mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 30.0 peratus dan 36.1 peratus. Arah aliran pertumbuhan yang kukuh dengan peningkatan dua angka dilihat pada prestasi Julai 2022 yang mana import Barang perantaraan, Barang modal dan Barang penggunaan masing-masing merekodkan 32.2 peratus, 29.6 peratus dan 33.2 peratus yang menyokong kerancakan aktiviti ekonomi domestik.

Pada masa yang sama, Malaysia mengekalkan lebihan akaun semasa sebanyak RM4.4 bilion pada suku tahun kedua 2022, berbanding RM3.0 bilion yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya, dipacu terutamanya oleh eksport bersih akaun Barang. Pertumbuhan positif eksport dan import telah menyumbang kepada prestasi yang menggalakkan dalam akaun Barang masing-masing kepada RM295.8 bilion dan RM261.8 bilion. Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM17.3 bilion pada suku tahun kedua 2022 berbanding RM11.7 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu. Rantau Asia menyumbang kepada pelaburan tertinggi yang disalurkan terutamanya dari Singapore, dan diikuti Americas dan Europe. Di samping itu, Pembuatan terus menjadi sektor utama bagi FDI, diikuti oleh Perkhidmatan dan Perlombongan & pengkuarian.

Melangkah ke hadapan, perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) pada Jun 2022 meningkat 5.3 peratus kepada 111.7 mata. Di samping itu, kadar pertumbuhan IP terlicin kekal menggalakkan melebihi 100.0 mata yang menunjukkan keyakinan terhadap arah pertumbuhan ekonomi berterusan pada bulan-bulan akan datang meskipun berhadapan dengan cabaran baharu muncul. Ini selaras dengan isyarat yang meyakinkan oleh permintaan domestik dan eksport yang kukuh serta pembukaan semula sempadan antarabangsa dalam keadaan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan. Tambahan pula, sentimen perniagaan juga kekal positif untuk suku tahun ketiga 2022, dengan petunjuk keyakinan mencatatkan +4.7 peratus berbanding +3.5 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April 2022 sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStats\\_2022](https://bit.ly/PocketStats_2022).


Terima kasih.


**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

**Ogos 2022**

# PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN


**SOROTAN  
STATISTIK**  
EKONOMI MALAYSIA






# PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

**SOROTAN  
STATISTIK**  
EKONOMI MALAYSIA





## **SOROTAN PENTING**

- KDNK Malaysia terus mendapat momentum dengan prestasi positif pada suku tahun kedua 2022, berkembang 8.9 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya, melepas paras pra-pandemik pada suku tahun kedua 2019 dengan 4.6 peratus.
- Pengeluaran getah asli pada Jun 2022 menyusut 19.2 peratus berbanding 38,807 tan metrik yang dicatatkan pada bulan yang sama 2021. Perbandingan bulanan, pengeluaran getah asli meningkat 48.9 peratus kepada 31,369 tan metrik berbanding 21,073 tan metrik pada Mei 2022. Pengeluaran buah tandan segar pada Julai 2022 menunjukkan peningkatan 3.3 peratus berbanding bulan yang sama pada 2021 (7,756,760 tan metrik). Sementara itu, perbandingan bulan ke bulan menunjukkan pengeluaran pada Julai 2022 meningkat 0.6 peratus kepada 8,015,968 tan metrik daripada 7,967,345 tan metrik pada bulan sebelumnya.
- Pada asas suku tahunan, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) bagi suku tahun kedua 2022 meningkat 6.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pada Jun 2022, IPP melonjak 12.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya dipacu oleh sektor Pembuatan (14.5%), Elektrik (14.1%) dan Perlombongan (2.1%).
- Pada masa yang sama, pada suku tahun kedua 2022, nilai jualan sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan 17.4 peratus (ST1 2022: 12.8%) kepada RM443.5 bilion berbanding tempoh yang sama 2021. Nilai jualan berjumlah RM153.5 bilion, melonjak 23.4 peratus (Mei 2022: 15.7%) berbanding bulan yang sama 2021. Pertumbuhan nilai jualan dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (25.4%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (18.8 %) dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas & Produk Logam yang Direka (43.2%).
- Selanjutnya, hasil sektor Perkhidmatan bagi suku tahun kedua 2022 merekodkan RM506.5 bilion, meningkat 25.2 peratus berbanding suku tahun yang sama 2021. Begitu juga, Indeks Volum Perkhidmatan juga meningkat 16.7 peratus kepada 136.3 mata pada suku tahun sebelumnya.
- Meninjau kepada harga, inflasi negara bagi suku tahun kedua 2022 direkodkan pada 2.8 peratus apabila IHP meningkat kepada 126.6 berbanding 123.1 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan itu diterajui oleh Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.1%); Pengangkutan (4.1%) dan Restoran & Hotel (3.9%). Inflasi pada Jun 2022 meningkat 3.4 peratus kepada 127.4 berbanding 123.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Indeks Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang meningkat 6.1 peratus, kekal sebagai penyumbang utama kepada kenaikan inflasi bagi bulan tersebut. Selain kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, semua kumpulan lain juga terus mencatatkan peningkatan kecuali Komunikasi yang tidak berubah dari bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Manakala pada Julai 2022, inflasi meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 berbanding 122.5 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.
- Pada suku tahun kedua 2022, IHPR pengeluaran tempatan mencatatkan peningkatan 11.1 peratus (ST1 2022: 10.2%) diterajui oleh indeks Perlombongan (18.8%), Pertanian, Perhutanan & Perikanan (17.6%), Pembuatan (10.0%) dan Bekalan air (1.5%). Sebaliknya, indeks Bekalan elektrik & gas merosot 0.1 peratus. Pertumbuhan IHPR Malaysia menyederhana 10.9 peratus pada Jun 2022 berbanding 11.2 peratus yang dicatatkan pada Mei 2022. Semua sektor mencatatkan peningkatan yang lebih perlahan kecuali sektor utiliti. Berdasarkan prestasi bulanan, IHPR pengeluaran tempatan merosot buat pertama kalinya pada tahun ini, mencatatkan negatif 0.1 peratus berbanding peningkatan 1.2 peratus yang dicatatkan pada Mei 2022. IHPR Julai 2022 merekodkan peningkatan 7.6 peratus kepada 122.8 berbanding 111.7 yang dicatatkan pada Julai 2021.
- Dari segi sektor luaran, Imbangan Akaun Semasa (CAB) merekodkan lebih RM4.4 bilion pada suku tahun kedua 2022, berbanding RM13.2 bilion pada suku tahun sebelumnya.

- Pada suku tahun kedua 2022, Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi RM17.3 bilion berbanding RM11.7 bilion pada tempoh yang sama tahun lepas. Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia merekodkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi RM14.7 bilion berbanding RM3.5 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya.
- Perdagangan barang Malaysia meningkat 32.7 peratus pada ST2 2022 dengan jumlah perdagangan RM730.4 bilion berbanding RM550.4 bilion pada ST2 2021. Eksport berkembang 30.0 peratus kepada RM336.1 bilion, manakala import melonjak 36.1 peratus kepada RM394.2 bilion. Imbangan dagangan mencatatkan lebih RM58.1 bilion, meningkat 3.2 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Sementara itu, merujuk kepada bulanan, jumlah dagangan Malaysia pada Jun 2022 melonjak 43.4 peratus daripada RM188.5 bilion pada Jun 2021 kepada RM270.4 bilion. Eksport meningkat 38.8 peratus kepada RM146.2 bilion, manakala import meningkat 49.3 peratus kepada RM124.2 bilion. Lebihan dagangan menyusut 0.8 peratus berbanding setahun lalu kepada RM21.9 bilion. Dalam pada itu, jumlah dagangan Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan kukuh pada Julai 2022 dengan nilai RM252.6 bilion, merekodkan pertumbuhan 39.8 peratus daripada RM180.7 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.
- Meninjau kepada senario buruh, bilangan penduduk bekerja meningkat 3.2 peratus (+493.9 ribu orang), kepada 15.70 juta orang berbanding ST2 2021 (15.21 juta orang). Seterusnya, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga, meningkat 0.9 mata peratus kepada 66.5 peratus (ST2 2021: 68.3%).
- Berdasarkan perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) Jun 2022 yang meningkat 5.3 peratus kepada 111.7 mata, ekonomi Malaysia berada pada arah pertumbuhan yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang sejajar jangkaan petunjuk yang meyakinkan bagi permintaan domestik dan eksport yang kukuh serta pembukaan semula sempadan antarabangsa.

## BAROMETER EKONOMI

### Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

**8.9%**  
ST2 2022



### Pengeluaran Buah Tandan Segar

**-3.8%**  
ST2 2022



### Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

**6.9%**  
ST2 2022



### Kadar Pengangguran

**3.9%**  
ST2 2022



### Pengeluaran Getah Asli

**-16.7%**  
ST2 2022



### Nilai Jualan Sektor Pembuatan

**17.4%**  
ST2 2022



### Indeks Volum Perkhidmatan

**16.7%**  
ST2 2022



### Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

**19.3%**  
ST2 2022



### Eksport

**30.0%**  
ST2 2022



### Import

**36.1%**  
ST2 2022




### Indeks Harga Pengguna (IHP)

**2.8%**  
ST2 2022



### Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

**11.1%**  
ST2 2022



## PERSPEKTIF KESELURUHAN

### Ekonomi Dunia

*International Monetary Fund (IMF)* mengunjurkan pertumbuhan global 3.2 peratus pada 2022 dan menyederhana kepada 2.9 peratus pada 2023, iaitu 0.4 dan 0.7 mata peratus lebih rendah berbanding unjuran April 2022 *World Economic Outlook*. Pencerobohan Rusia ke atas Ukraine yang berterusan, menyebabkan peningkatan harga komoditi dan gangguan rantaian bekalan. Semakan semula unjuran pertumbuhan ekonomi negara maju turun 1.2 mata peratus, menjadikan pertumbuhan tahun ke tahun kepada 2.6 peratus, penurunan berbanding 5.1 peratus tahun sebelumnya. Sementara itu, pertumbuhan bagi negara ekonomi pasaran baru muncul dan sedang membangun (EMDE) dijangka lebih perlahan daripada 6.6 peratus pada 2021 kepada 3.4 peratus pada 2022.

*The Asian Development Outlook (ADO)* 2022 menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi untuk negara Asia yang membangun kepada 4.6 peratus, turun daripada 5.2 peratus, dan daripada 5.3 peratus kepada 5.2 peratus bagi tahun 2023. Ini berikutan kelembapan ekonomi China yang lebih buruk daripada jangkaan kepada 3.3 peratus, pengetatan dasar monetari yang lebih agresif bagi ekonomi maju; dan kesan limpahan negatif daripada krisis di Ukraine. Kadar inflasi telah disemak semula, dijangka mencapai 4.2 peratus pada 2022 daripada 3.7 peratus dan daripada 3.1 peratus kepada 3.5 peratus bagi tahun 2023 dipengaruhi oleh kenaikan harga bahan api dan makanan.

Melihat kepada persekitaran ekonomi bagi suku tahun kedua 2022, ekonomi Singapore bertumbuh 4.4 peratus bagi tahun ke tahun, berbanding 3.8 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini diterajui oleh subsektor makanan dan minuman, dengan aktiviti yang disokong oleh pemansuhan kebanyakan sekatan domestik seperti had saiz berkumpulan makan di restoran secara sejak Mei 2022. Memandangkan risiko terhadap prospek adalah memberangsangkan, Kementerian Perdagangan dan Industri Singapore mengurangkan unjuran pertumbuhan 2022 dalam julat 3.0 hingga 4.0 peratus daripada unjuran awal 3.0 hingga 5.0 peratus.

Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, prestasi ekonomi Vietnam pada suku kedua 2022 dianggarkan untuk berkembang sebanyak 7.7 peratus, lebih tinggi daripada pertumbuhan nasional pada tempoh yang sama bagi tahun 2011 hingga 2022. Sektor perkhidmatan meningkat 8.6 peratus, diikuti oleh sektor perindustrian yang meningkat kepada 8.9 peratus, manakala pertanian, perhutanan dan perikanan mencatatkan peningkatan paling perlahan iaitu 3.0 peratus. Prestasi pertumbuhan pada separuh tahun 2022 berkembang maju dalam kebanyakan industri, terutamanya dalam industri pemprosesan dan pembuatan; jualan runcit barang dan perkhidmatan pengguna; dan eksport.

*The National Bureau of United Kingdom (UK)* menganggarkan bahawa Keluaran Dalam Negeri Kasar pada suku tahun kedua menyusut 0.1 peratus selepas peningkatan 0.8 peratus pada suku tahun pertama tahun ini. Penguncutan itu dipengaruhi oleh penurunan output perkhidmatan sebanyak 0.4 peratus berikutan penurunan aktiviti COVID-19 dengan sumbangan negatif terbesar daripada kesihatan manusia dan aktiviti kerja sosial. Output pengeluaran berkembang sebanyak 0.5 peratus didorong oleh peningkatan dalam bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara, yang dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam pembuatan gas, dan penjanaan, penghantaran dan pengedaran bekalan elektrik. Walau bagaimanapun, output dalam perlombongan dan pengkuarian menurun 0.3 peratus berikutan pengurangan dalam aktiviti perkhidmatan sokongan perlombongan.

### Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum dengan pertumbuhan positif pada suku tahun kedua 2022, disokong oleh pengembangan kukuh dalam permintaan domestik, kadar pengangguran yang lebih perlahan dan sokongan polisi yang berterusan. Peningkatan ini juga dicerminkan oleh aktiviti ekonomi yang kembali normal ketika negara bergerak ke arah fasa endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa pada suku tahun kedua 2022.

KDNK Malaysia pada suku tahun kedua 2022 terus berkembang 8.9 peratus setelah mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Daripada kedudukan ekonomi semasa, ekonomi negara telah melepasi paras pra pandemik pada suku tahun kedua 2019 sebanyak 4.6 peratus. Melihat kepada prestasi bulanan, ekonomi negara menunjukkan pemulihan pada April dengan pertumbuhan 5.6 peratus, sebelum menyederhana kepada 5.0 peratus pada Mei 2022 dan meningkat kepada 16.5 peratus pada Jun 2022. Bagi terma pelarasan musim, KDNK bertumbuh pada 3.5 peratus (ST1 2022: 3.8%) pada suku tahun ini.

Prestasi ekonomi pada suku tahun kedua 2022 dari segi penawaran adalah dipacu oleh pertumbuhan berterusan sektor Perkhidmatan dan Pembuatan serta pemulihan dalam sektor Pembinaan (**Jadual 1**).

**Jadual 1: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK Malaysia mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (%), 2020 - 2021 dan ST1 2021 - ST2 2022**

Jenis Aktiviti Ekonomi	2020	2021	2021				2022	
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
KDNK	-5.5	3.1	-0.5	15.9	-4.5	3.6	5.0	8.9
Perkhidmatan	-5.4	1.9	-2.3	13.4	-4.9	3.2	6.5	12.0
Pembuatan	-2.7	9.5	6.7	26.7	-0.8	9.1	6.6	9.2
Pembinaan	-19.3	-5.2	-10.4	40.3	-20.6	-12.2	-6.2	2.4
Perlombongan & Pengkuarian	-9.7	0.3	-4.4	10.6	-3.2	-0.6	-1.1	-0.5
Pertanian	-2.4	-0.2	0.1	-1.5	-2.0	2.8	0.1	-2.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Perkhidmatan kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan, meningkat kepada 12.0 peratus (ST1 2022: 6.5%) pada suku tahun ini. Prestasi ini didorong oleh Perdagangan borong & runcit (17.3%), Pengangkutan & penyimpanan (35.8%) dan Makanan & minuman & penginapan (35.3%). Namun, Kewangan & insurans jatuh 1.4 peratus berbanding penurunan 1.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim, keseluruhan sektor Perkhidmatan bertumbuh 4.2 peratus (ST1 2022: 5.5%) pada suku tahun ini.

Sektor Pembuatan terus berkembang kepada 9.2 peratus (ST1 2022: 6.6%) pada suku tahun ini. Prestasi ini dipacu oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal (15.5%), Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pemberian (19.9%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (10.3%). Walau bagaimanapun, Produk petroleum, kimia, getah & plastik menyusut secara marginal 0.9 peratus pada suku tahun ini. Selain itu, sektor ini bertumbuh 2.6 peratus (ST1 2022: 1.8%) bagi terma pelarasan musim.

Tambahan pula, sektor Pembinaan memulih kepada 2.4 peratus berbanding penguncutan 6.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh pengembangan dalam subsektor Bangunan bukan kediaman (10.1%), Aktiviti pembinaan pertukangan khas (7.0%) dan Bangunan kediaman (2.7%). Namun, subsektor Kejuruteraan awam mencatatkan penguncutan 8.2 peratus (ST1 2022: -16.1%). Bagi terma pelarasan musim, sektor ini bertumbuh 7.5 peratus berbanding 8.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Sementara itu, sektor Perlombongan & pengkuarian merosot marginal 0.5 peratus (ST1 2022: -1.1%) pada suku tahun kedua 2022. Kemerosotan ini dipengaruhi oleh subsektor Minyak mentah & kondensat yang menyusut 2.8 peratus pada suku tahun ini. Walau bagaimanapun, Gas asli dan Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan mencatatkan prestasi yang lebih baik. Sektor ini bertumbuh pada 0.3 peratus (ST1 2022: 2.9%) bagi terma pelarasan musim.

Begitu juga, sektor Pertanian menurun 2.4 peratus (ST1 2022: 0.1%) disumbangkan oleh kemerosotan dalam hampir kesemua subsektor kecuali subsektor Perikanan. Bagi terma pelarasan musim, sektor Pertanian meningkat marginal 0.2 peratus (ST1 2022: -3.3%).

Dari segi permintaan, kesemua komponen perbelanjaan mencatatkan pertumbuhan positif pada suku tahun kedua 2022 diterajui oleh Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar (**Jadual 2**).

## PERSPEKTIF KESELURUHAN

**Jadual 2: Perubahan Peratusan Tahunan KDNK Malaysia mengikut Jenis Perbelanjaan (%),  
2020 - 2021 dan ST1 2021 - ST2 2022**

Jenis Perbelanjaan	2020	2021	2021				2022	
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
<b>KDNK</b>	-5.5	3.1	-0.5	15.9	-4.5	3.6	5.0	8.9
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Swasta	-4.2	1.9	-1.5	11.7	-4.2	3.7	5.5	18.3
Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan	5.0	5.3	5.6	8.2	7.1	1.6	6.7	2.6
Pembentukan Modal Tetap Kasar	-14.4	-0.9	-3.3	16.4	-10.8	-3.0	0.2	5.8
Eksport	-8.6	15.4	11.7	37.1	4.2	13.0	8.0	10.4
Import	-7.9	17.7	12.2	35.5	11.4	14.5	11.1	14.0
<b>Eksport Bersih</b>	-13.7	-4.1	6.6	57.6	-39.9	0.8	-26.5	-28.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh 18.3 peratus (ST1 2022: 5.5%), disokong oleh peningkatan penggunaan dalam Pengangkutan, Makanan & minuman bukan alkohol dan Restoran & hotel. Penggunaan yang tinggi bagi Pengangkutan adalah disebabkan penggunaan Bahan api & pelincir yang lebih tinggi untuk peralatan pengangkutan persendirian dan pembelian kendaraan bermotor oleh isi rumah berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Bagi terma pelarasan musim, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 6.8 peratus (ST1 2022: 4.6%).

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang 5.8 peratus (ST1 2022: 0.2%) pada suku tahun ini didorong oleh Jentera & peralatan yang meneruskan pertumbuhan positif 9.6 peratus daripada 12.0 peratus pada suku tahun pertama 2022. Selain itu, Struktur dan Aset lain masing-masing pulih kepada 3.8 peratus dan 0.2 peratus. PMTK mengikut Sektor disumbangkan oleh Swasta yang berkembang kepada 6.3 peratus dan sektor Awam dengan pertumbuhan positif 3.2 peratus. Tambahan pula, PMTK bertumbuh 1.3 peratus (ST1 2022: 5.0%) bagi terma pelarasan musim.

Perbelanjaan penggunaan akhir Kerajaan menyederhana kepada 2.6 peratus (ST1 2022: 6.7%) dipengaruhi oleh penyederhanaan dalam bekalan dan perkhidmatan pada suku tahun ini. Komponen ini menunjukkan penurunan 3.1 peratus (ST1 2022: 7.4%) bagi terma pelarasan musim.

Susulan daripada dagangan barang dan perkhidmatan yang lebih tinggi, kedua-dua Eksport dan Import masing-masing melonjak kepada 10.4 peratus (ST1 2022: 8.0%) dan 14.0 peratus (ST1 2022: 11.1%). Namun begitu, Eksport bersih menurun 28.7 peratus berbanding penurunan 26.5 peratus pada suku tahun sebelumnya.


**Carta 1: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu),  
Januari 1991 - Jun 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada Jun 2022, perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) menunjukkan peningkatan 5.3 peratus kepada 111.7 mata. Peningkatan ini terutamanya disokong oleh kenaikan Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain yang dipacu oleh import logam berasaskan platinum dan kesan asas berikutan pelonggaran aktiviti ekonomi dan perjalanan rentas negeri pada Jun 2021. Secara bulanan, IP meningkat 0.4 peratus pada bulan rujukan daripada 111.3 mata pada Mei 2022. Sejajar dengan IP Jun terlicin kekal menggalakkan melebihi 100.0 mata, menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang, selaras dengan jangkaan isyarat yang meyakinkan bagi permintaan domestik dan eksport yang kukuh serta pembukaan semula sempadan antarabangsa dalam keadaan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan.

**Carta 2: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, Malaysia, 2018 – 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 3: Imbangan Bersih Jangkaan Prestasi Perniagaan bagi Enam Bulan Akan Datang mengikut Sektor, Malaysia, 2020 – 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen perniagaan terus positif untuk suku ketiga 2022 dengan petunjuk keyakinan +4.7 peratus berbanding +3.5 peratus pada suku tahun lalu. Mengikut sektor, sektor Perkhidmatan dan Industri meramalkan keadaan perniagaan yang menggalakkan pada suku tahun ketiga 2022 manakala sektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pembinaan menjangkakan sebaliknya. Peniaga menjangkakan keadaan perniagaan menyederhana dengan Imbangan bersih +12.2 peratus untuk enam bulan akan datang berakhir Disember 2022 berbanding +25.0 peratus bagi tempoh April hingga September 2022.

# PENGLIBATAN ORANG TENGAH DALAM PROSES PEMASARAN PERTANIAN DAN KESANNYA TERHADAP HARGA PRODUK PERTANIAN

Nur Aseken Md Ya'cob, Nur Elissa Syazrina Zulkepli  
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan

## Latar Belakang

Industri pertanian iaitu beras, buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan dan ternakan memainkan peranan penting dalam membekal dan menyediakan agro-makanan kepada pengguna. Di kebanyakan negara termasuk Malaysia, semua hasil pertanian dan komoditi terlibat dalam beberapa peringkat pengurusan rantaian bekalan sebelum ia siap digunakan oleh pengguna akhir. Di Malaysia, agensi yang bertanggungjawab dalam memasarkan produk agro-makanan serta produk industri asas tani ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). FAMA memainkan peranan dalam meluaskan saiz pasaran produk agro-makanan dan meningkatkan pendapatan pengeluar. Selain itu, FAMA juga terlibat dalam memastikan produk pertanian dan industri makanan tersedia dan boleh didapati pada harga yang berpatutan terutamanya kepada pengguna.

Menurut Suhaimee et. al (2015), rantaian bekalan pertanian di Malaysia melibatkan beberapa peringkat seperti pemasaran perikanan yang melibatkan dua cara iaitu saluran pemasaran tradisional yang bermula daripada nelayan, orang tengah, pemborong, peruncit dan pengguna; dan jualan langsung antara nelayan dan pengguna. Manakala, Tengku Ariff dan Ariffin (1999) menyatakan rantaian bekalan padi dan beras di Malaysia adalah agak mudah dan ditakrifkan dengan sangat baik. Pesawah akan menjual padi mereka melalui pembeli padi atau menjual terus kepada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) serta kilang padi swasta. Padi yang telah diproses kemudiannya diagihkan kepada anak syarikat dan pemborong BERNAS sebelum dijual kepada peruncit. Fatimah et. al (2007) mengusulkan bahawa pengeluar buah-buahan dan sayur-sayuran melalui beberapa saluran pemasaran sebelum produk tersebut sampai kepada pengguna. Buah-buahan biasanya dipetik secara pukal dan segelintir penanam menjualnya sama ada kepada peniaga persendirian atau memasarkan produk secara langsung kepada pengguna di Pasar Tani yang ditadbir oleh FAMA.

## Sorotan Kajian

Sejak bertahun-tahun yang lalu, orang tengah telah beroperasi di semua bahagian dunia terutamanya dalam ekonomi yang berkembang pesat. Menurut Fatimah (2020), orang tengah ialah sekumpulan orang atau individu yang diperlukan dalam memindahkan barang atau perkhidmatan daripada pengeluar atau pengilang kepada pengguna atau pengguna akhir. Proses pemasaran ini juga melibatkan pelbagai fungsi seperti pertukaran (membeli & menjual), fungsi fizikal (menyimpan, membungkus & mengangkut), pembiayaan, penentuan harga dan pengambilan risiko serta menyediakan maklumat pasaran. Terdapat dua jenis orang tengah. Pertama, orang tengah pedagang seperti pedagang, pemborong dan peruncit. Kedua, orang tengah asas yang terdiri daripada orang tengah merkantil dan orang tengah yang memudahkan. Orang tengah merkantil termasuk broker, ejen komisen, ejen penghantaran dan ejen penjelasan. Orang tengah yang memudahkan ialah mereka yang berada di dalam sektor seperti perbankan, insurans, pergudangan dan pengangkutan.

Dalam kes sektor pertanian, istilah 'orang tengah' merujuk kepada orang tengah pedagang yang melibatkan peringkat pedagang, pemborong dan peruncit. Struktur pemasaran komoditi pertanian dan makanan berkongsi arketip yang sama iaitu, bentuk struktur disamakan dengan "jam pasir". Di bahagian bawah, terdapat sejumlah besar pengeluar; di tengah-tengah terdapat penumpuan sebilangan kecil pemborong dan di atas adalah pengguna. (Fatimah, 2020).

Selain itu, orang tengah kerap memainkan peranan utama dalam kalangan pembekal. Berdasarkan kajian ke atas kebanyakan petani di Nigeria yang dijalankan oleh Oguoma et al. (2010), 81.1 peratus daripada responden mengesahkan bahawa orang tengah membeli hasil petani terus ketika padi telah mula dituai dan seterusnya menentukan halatuju saluran pengedaran. Di samping itu, 89.0 peratus daripada responden juga bersetuju bahawa orang tengah adalah penangung risiko utama kerana mereka bertanggungjawab dalam menguruskan fungsi pengedaran seperti menguruskan inventori, menghantar produk kepada pelanggan, menyediakan kemudahan pemprosesan dan penyimpanan dan seumpamanya yang tentunya memerlukan kos yang lebih tinggi.

## Perspektif Keseluruhan Kos Makanan

Makanan dikategorikan sebagai keperluan asas di seluruh dunia. Perubahan harga makanan secara langsung boleh memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat. Rakyat tidak mempunyai pilihan untuk tidak membeli makanan kerana makanan diperlukan untuk meneruskan kehidupan. Berdasarkan **Carta 1a**, selama lebih sedekad, harga makanan dilihat stabil selepas mencatatkan peningkatan mendadak pada 2011. Walau bagaimanapun, harga makanan mula meningkat semula pada tahun 2021, disokong oleh pelbagai faktor akibat daripada pandemik dan sekatan yang dikenakan oleh negara-negara sepanjang 2020. Antara faktor tersebut termasuklah gangguan rantai bekalan global, permintaan makanan yang semakin meningkat, perubahan iklim dan kekurangan tenaga buruh terutamanya di kawasan perladangan.


**Carta 1a: Indeks Harga Makanan Tahunan, 2010 - 2021**



Sumber: *Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)*

Di Malaysia, perubahan harga makanan yang dibeli oleh pengguna boleh dilihat dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) manakala perubahan pada peringkat harga pengeluar boleh dicerminkan melalui Indeks Harga Pengeluar (IHPR). Melalui **Carta 1b**, jelas menunjukkan bahawa harga makanan di peringkat pengguna telah meningkat dengan ketara dari 2010 untuk mencatatkan peningkatan sebanyak 38.3 peratus pada 2021. Harga makanan di rumah pada tahun 2021 juga meningkat sebanyak 34.3 peratus berbanding tahun 2010. Di samping itu, harga untuk makanan pengguna siap di peringkat pengeluar pada 2021 adalah 18.6 peratus, lebih tinggi berbanding 2010.

**Carta 1b: Indeks Makanan, Makanan di Rumah dan Makanan Pengguna Siap Tahunan, 2010 - 2021**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Arah Aliran Harga Produk Pertanian

Kajian ini bertujuan untuk melihat aliran harga barang pertanian terpilih iaitu sayur-sayuran, ikan dan ternakan (ayam) daripada tiga peringkat saluran pemasaran iaitu pengeluar, pemborong dan pengguna mulai Januari 2020 hingga Disember 2021. Harga pengeluar dan pemborong bulanan diperoleh daripada agensi seperti FAMA, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Sementara itu, harga pengguna diperoleh daripada survei Harga Pengguna bulanan. Harga yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada harga purata dan tidak mewakili harga di lokasi tertentu.

## 1. Sayur-sayuran

Berdasarkan penemuan dalam survei HIES/BA 2019, lebih 50.0 peratus isi rumah berbelanja ke atas sayur-sayuran segar. Dalam analisis ini, tiga sayuran telah dipilih iaitu tomato, cili merah dan timun. Sayur-sayuran ini adalah popular dalam kalangan pengguna dan kebiasaannya mempunyai variasi dalam aliran harga dari peringkat pengeluar, pemborong dan pengguna.

### a. Tomato

Arah aliran harga tomato dari Januari 2020 hingga Disember 2021 menunjukkan harga pengeluar terendah adalah pada Mei 2021 dengan RM0.85/kg berbanding RM1.80/kg pada April 2021. Penurunan harga adalah disebabkan peningkatan bekalan disokong dengan kuantiti minimum untuk eksport. Sepanjang Mei 2021, jurang harga antara pengeluar dan pemborong; dan pemborong dan pengguna masing-masing adalah RM1.95/kg dan RM1.98/kg. Ini menunjukkan bahawa pemborong memperoleh margin perdagangan kira-kira RM2.00 manakala pengeluar menerima margin perdagangan kurang daripada RM1.00 bagi sekilogram tomato yang dijual.

**Carta 1c: Trend Harga Pengeluar, Pemborong dan Pengguna bagi Tomato, Januari 2020 – Disember 2021**



Sumber:

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),  
Jabatan Perangkaan Malaysia.

### b. Cili Merah

Harga pengeluar tertinggi bagi cili merah adalah pada Ogos 2021 iaitu RM12.65/kg, disebabkan hujan lebat dan fasa akhir pengeluaran yang seterusnya mengakibatkan jumlah pengeluaran yang lebih rendah. Harga pengeluar terendah ialah pada Jun 2021 pada RM4.25/kg. Harga pemborong pada Jun 2021 ialah RM7.75/kg, dengan perbezaan harga RM3.50/kg apabila dibandingkan dengan harga pengeluar. Kesannya, pengguna terpaksa membayar tiga kali ganda daripada harga pengeluar, iaitu RM12.97/kg, dengan jurang harga RM5.22/kg antara harga pemborong dan pengguna.

**Carta 1d: Trend Harga Pengeluar, Pemborong dan Pengguna bagi Cili Merah, Januari 2020 – Disember 2021**



Sumber:

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),  
Jabatan Perangkaan Malaysia,

### c. Timun

Harga pengeluar tertinggi bagi timun dicatatkan pada Disember 2020 pada RM2.15/kg. Sebaliknya, harga pengeluar terendah ialah RM0.85/kg pada Ogos 2021, disebabkan fasa puncak pengeluaran di kawasan pengeluar utama yang membawa kepada lebihan bekalan serta permintaan yang lebih rendah daripada pengguna. Walaupun harga lebih rendah di peringkat pengeluar, harga pemberong pada masa tersebut ialah RM1.50/kg, manakala harga pengguna dilihat meningkat sehingga RM3.40/kg, dengan margin perdagangan sebanyak RM1.92/kg.

**Carta 1e: Trend Harga Pengeluar, Pemberong dan Pengguna bagi Timun, Januari 2020 – Disember 2021**



Sumber:

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),  
Jabatan Perangkaan Malaysia.

### 2. Ikan

Menurut DOF, jumlah pendaratan ikan laut pada 2020 ialah 1.38 juta tan, menurun sedikit daripada 1.46 juta tan yang dicatatkan pada 2019. Walau bagaimanapun, ikan kekal sebagai salah satu sumber protein penting selepas ayam dan daging. Dalam analisis arah aliran harga ikan, tiga spesies ikan terpilih iaitu Kembong, Selar Kuning dan Selayang. Ikan ini tergolong dalam kumpulan ikan rakyat disebabkan harga yang berpatutan dan merupakan antara pilihan utama isi rumah di Malaysia terutamanya bagi isi rumah berpendapatan rendah.

#### a. Kembong

Harga pengeluar tertinggi bagi kembong dicatatkan pada Januari 2020 (RM9.84/kg). Walau bagaimanapun, harga yang perlu dibayar oleh pengguna ialah RM15.77/kg pada bulan tersebut, menjadikan jurang RM4.47/kg antara harga borong dan pengguna. Dalam keadaan ini, pengeluar telah menjual pada harga yang lebih tinggi memandangkan jumlah pendaratan ikan yang rendah akibat fenomena Monsun Timur Laut. Arah aliran harga menunjukkan bahawa harga di pemberong kekal tinggi, membuatkan pengguna membayar harga yang lebih tinggi bagi sekilogram ikan kembong. Ini dapat dilihat walaupun harga pengeluar merekodkan harga yang lebih rendah iaitu RM8.70/kg pada Disember 2021 berbanding RM9.84/kg pada Januari 2020, pengguna masih membayar harga yang lebih tinggi.

**Carta 1f: Trend Harga Pengeluar, Pemberong dan Pengguna bagi Kembong, Januari 2020 – Disember 2021**



Sumber:

Jabatan Perikanan Malaysia,  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),  
Jabatan Perangkaan Malaysia.

## b. Selar Kuning

Harga pengeluar untuk sekilogram Selar Kuning pada April 2020 ialah RM5.19/kg manakala harga pemberong ialah RM6.03/kg. Walau bagaimanapun, harga yang ditawarkan kepada pengguna agak tinggi iaitu RM11.66/kg, menjadikan jumlah margin perdagangan RM5.63/kg kepada peruncit. Keadaan yang sama juga berlaku pada Julai 2021 di mana harga pengeluar dan pemberong adalah antara RM6.00/kg hingga RM7.00/kg. Walau bagaimanapun, pengguna terpaksa membayar RM12.51 untuk sekilogram Selar Kuning, pada masa itu, yang juga merupakan harga pengguna tertinggi pernah direkodkan pada 2021 untuk jenis ikan ini.

**Carta 1g: Trend Harga Pengeluar, Pemberong dan Pengguna bagi Selar Kuning, Januari 2020 – Disember 2021**



Sumber:

Jabatan Perikanan Malaysia,  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),  
Jabatan Perangkaan Malaysia.

## c. Selayang

Arah aliran harga pengeluar untuk Selayang sentiasa konsisten antara RM4.00/kg hingga RM6.00/kg. Sebaliknya, arah aliran harga bagi pemberong dan pengguna dilihat meningkat dari semasa ke semasa. Pada tiga bulan terakhir tahun 2021, harga pengeluar bagi sekilogram Selayang dilihat semakin menurun. Namun begitu, harga pemberong dan pengguna tidak menunjukkan arah aliran yang sama. Malah, harga di peringkat pemberong hampir dua kali ganda lebih tinggi, menyebabkan pengguna membayar hampir RM12.00/kg.

**Carta 1h: Trend Harga Pengeluar, Pemberong dan Pengguna bagi Selayang, Januari 2020 – Disember 2021**



Sumber:

Jabatan Perikanan Malaysia,  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),  
Jabatan Perangkaan Malaysia.

## 3. Ternakan (Ayam)

Ayam merupakan sumber utama protein bagi isi rumah di Malaysia tanpa mengira kelas pendapatan. Pada 2019<sup>1</sup>, 88.8 peratus isi rumah berbelanja untuk item ini, dengan purata 6.5 kilogram ayam dimakan setiap bulan oleh sesebuah isi rumah. Pada masa kini, isu harga ayam yang semakin mahal daripada kebiasaan telah menimbulkan kontroversi. Tindakan telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu kenaikan harga ayam termasuklah pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) pada Disember 2021 yang memastikan kawalan harga dikenakan ke atas 12 barang keperluan harian termasuk ayam, telur dan sayur-sayuran.

<sup>1</sup> Berdasarkan dapatan survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2019

**Carta 1i: Trend Harga Pengeluar, Pemborong dan Pengguna bagi Ayam, Januari 2020 – Disember 2021**



Sumber:

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),  
Jabatan Perangkaan Malaysia

Harga pengeluar terendah untuk ayam ialah pada April 2020 dengan harga RM4.20/kg. Pada bulan tersebut, harga pemborong bagi ayam ialah RM4.80/kg dan harga yang ditawarkan kepada pengguna ialah RM8.17/kg. Walaupun terdapat jurang yang besar antara harga pemborong dan pengguna (RM3.37/kg), harga yang dikenakan meliputi kos-kos yang perlu ditanggung oleh peruncit seperti kos penyimpanan, penyembelihan, pengangkutan, pembungkusan dan lain-lain kos berkaitan. Namun begitu, menjelang penghujung tahun 2021 di mana isu kos input yang tinggi mula diberi perhatian, harga ayam di peringkat pengeluar mencecah RM6.00/kg. Harga pemborong juga meningkat kepada RM7.00/kg, memaksa pengguna membayar harga yang lebih tinggi, menghampiri RM10.00 bagi sekilogram ayam.

## Kesimpulan

Walaupun orang tengah mempengaruhi harga produk pertanian di peringkat pengguna, terdapat faktor lain yang turut dikaitkan dengan kenaikan kos makanan. Antara faktornya ialah ketidakcukupan bekalan terutamanya semasa pandemik yang menyebabkan rantaian bekalan makanan global terganggu. Keadaan cuaca, masalah buruh yang tidak mencukupi, pengeluaran tempatan yang lebih rendah dan kos input yang tinggi seperti bahan mentah juga mampu menjadi faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos makanan.

Orang tengah menyediakan perkhidmatan termasuk bantuan kewangan untuk membeli input pertanian yang menjadikan petani dan nelayan mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada mereka. Terdapat petani dan nelayan yang membuat pinjaman daripada orang tengah perlu membayar balik pinjaman mereka dengan faedah yang tinggi dikenakan oleh orang tengah. Selain itu, terdapat juga orang tengah yang membeli keluaran mereka pada harga yang lebih rendah dan menjualnya pada harga yang lebih tinggi kepada pengguna (Fatimah, 2020). Oleh itu, penglibatan orang tengah dalam saluran pemasaran perlu diminimumkan dan kebergantungan kepada orang tengah perlu dikurangkan. Fungsi mereka akan digantikan dengan program atau agensi yang boleh menjalankan fungsi yang sama seperti fungsi orang tengah.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dalam meminimumkan penglibatan orang tengah dalam saluran pemasaran pertanian. Sebagai contoh, program Jihad Memerangi Orang Tengah (JMOT) telah diperkenalkan pada Januari 2014, yang dilancarkan oleh Kementerian Pertanian (MOA) pada masa tersebut. Melalui program ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk memperkasakan industri perikanan seperti penubuhan Pusat Pengumpulan dan Agihan oleh Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Persatuan Nelayan Kawasan (AFA), yang mewujudkan tabung kebajikan nelayan dan mengambil alih hutang nelayan daripada orang tengah dengan pembayaran tanpa faedah. Program ini telah berjaya memecahkan monopolii orang tengah, meningkatkan pendapatan nelayan kerana mereka menjual terus hasil tangkapan mereka kepada pelanggan di pasar nelayan dan bebas daripada hutang orang tengah. Program JMOT juga mewujudkan inisiatif seperti meningkatkan lebih banyak pasar petani seperti Agrobazaar dan Karavan Tani yang membolehkan penjualan langsung hasil ladang kepada pelanggan. Portal Agrobazaar juga diwujudkan untuk menggalakkan pelanggan membeli produk pertanian dan makanan melalui laman web. Inisiatif ini pastinya telah menghapuskan peranan orang tengah memandangkan proses pembelian dan penjualan dilakukan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, program JMOT hanya berlangsung sehingga 2015 sahaja.

Isu kenaikan kos makanan kembali hangat diperkatakan di media. Ketua Sekuriti Makanan daripada Universiti Putra Malaysia, Datuk Dr. Shukor Juraimi mencadangkan agar program JMOT diperkenalkan semula sebagai salah satu langkah dalam menangani kenaikan kos pertanian dan makanan di Malaysia. Selain itu, kerajaan juga perlu mempertimbangkan jangka masa kebergantungan industri pertanian terhadap bahan mentah yang diimport terutamanya input pertanian seperti jagung, soya, gandum dan baja. Intervensi mestilah direncana untuk menggantikan input yang diimport ini dengan bahan mentah tempatan melalui penyelidikan dan pembangunan (P&P).

## Penghargaan

Penulis berterima kasih atas tunjuk ajar dan komen daripada Puan Siti Asiah Ahmad dan Puan Maslina Samsudin dalam semakan artikel ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Cik Nurul Salwa Salman yang memberikan bantuan penyelidikan yang sangat baik semasa melengkapkan artikel ini.

## Penafian

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

## Rujukan

- Arshad, F. M. (2007). The fruits industry in Malaysia: Issues and challenges. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press, 2005.
- Arshad, F. M. (2020). Can middlemen be eliminated, especially in the agriculture and fishing sectors?. The Edge Malaysia. Disunting daripada <https://www.theedgemarkets.com/article/my-say-can-middlemen-be-eliminated-especially-agriculture-and-fishing-sectors>
- Ibrahim, A. (2021). Don't blame middlemen for price increases. New Straits Time. Disunting daripada <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2021/12/752617/dont-blame-middlemen-price-increases>.
- Jabatan Perikanan Malaysia (2020). Perangkaan Tahunan Perikanan – Jilid 1 2019
- Jabatan Perikanan Malaysia (2021). Perangkaan Tahunan Perikanan 2020
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2019
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (2022). Disunting daripada <https://www.fama.gov.my/en/utama>
- Mohd Shah, A. (2021). Terlalu banyak rantaian punca harga barang naik – PM. UtusanTV. Retrieved daripada <https://utusantv.com/2021/12/01/terlalu-banyak-rantaian-punca-harga-barang-naik-pm/>
- Mohd Amin, K. A (2021). Perkenal semula Jihad Perangi Orang Tengah.
- Premium Sinar Harian. Disunting daripada <https://premium.sinarharian.com.my/article/154215/fokus/semasa/perkenal-semula-jihad-perangi-orang-tengah>.
- Nasir, S. M., & Jinap, S. (2005). Changing retail food sector in Malaysia. Proc. PECC Pacific Food System Outlook Ann.
- Oguoma, O. N., Nkwocha, V. I., & Ibeawuchi, I. I. (2010). Implications of middlemen in the supply chain of agricultural products. Journal of Agriculture and Social Research (JASR), 10(2).
- Padiberas Nasional Berhad (2022). Disunting daripada <https://www.bernas.com.my/bernas/>
- Suhaimee, S., Halim, N. A., Zakaria, M. H., Nazmi, M. S., Rusli, R., & Dardak, R. A. (2015). Roles of cooperative movement as middlemen to increase the efficiency of agricultural marketing in Malaysia. Serdang: Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI).




# **PRESTASI SEKTORAL**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



## SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 8/2022



### PENGELUARAN



#### Pengeluaran Buah Tandan Segar (Kelapa Sawit)

Jul 2022: 8,015,968 tan metrik ▲ 3.3%  
Jun 2022: 7,967,345 tan metrik ▼ -0.2%



#### Pengeluaran Getah Asli

Jun 2022: 31,369 tan metrik ▼ -19.2%  
Mei 2022: 21,073 tan metrik ▼ -25.2%



#### Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

ST2 2022: ▲ 6.9%  
ST1 2022: ▲ 4.5%

### SEKTOR LUARAN

#### Eksport



ST2 2022: RM394.2b ▲ 30.0%  
ST1 2022: RM344.9b ▲ 22.0%

#### Import



ST2 2022: RM336.1b ▲ 36.1%  
ST1 2022: RM279.9b ▲ 25.2%

### PASARAN BURUH

#### Bilangan Penduduk Bekerja



ST2 2022: 15.70 juta orang ▲ 3.2%  
ST1 2022: 15.58 juta orang ▲ 2.2%

#### Kadar Pengangguran



ST2 2022: 3.9%  
ST1 2022: 4.1%

### HARGA

#### Indeks Harga Pengguna (IHP)



ST2 2022: ▲ 2.8%  
ST1 2022: ▲ 2.2%

#### Indeks Harga Pengeluar (IHPR)



ST2 2022: ▲ 11.1%  
ST1 2022: ▲ 10.2%

### PERKHIDMATAN



#### Indeks Volum Perkhidmatan

ST2 2022: ▲ 16.7%  
ST1 2022: ▲ 7.0%



#### Hasil Sektor Perkhidmatan

ST2 2022: RM506.5b ▲ 25.2%  
ST1 2022: RM472.8b ▲ 10.3%




#### Nilai Jualan Sektor Pembuatan

ST2 2022: RM443.5b ▲ 17.4%  
ST1 2022: RM415.3b ▲ 12.8%

## Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Julai 2022 meningkat 0.6 peratus, kepada 8,015,968 tan metrik dari 7,967,345 tan metrik pada bulan sebelumnya (**Carta 4**). Perbandingan tahun ke tahun turut menunjukkan peningkatan 3.3 peratus berbanding Julai 2021 (7,756,760 tan metrik).

**Carta 4: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Jun 2021 - Julai 2022**



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia


Purata pengeluaran buah tandan segar pada Julai 2022 meningkat kepada 1.28 tan metrik/ha berbanding 1.27 tan metrik/ha pada Jun 2022 di mana di Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada 1.40 tan metrik/ha (Jun 2022: 1.38 tan metrik/ha) manakala di dalam Sabah/Sarawak turut meningkat 0.9 peratus kepada 1.18 tan metrik/ha (Jun 2022: 1.17 tan metrik/ha) seperti ditunjukkan pada **Jadual 3**.

**Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar mengikut Kawasan, Julai 2021 - Julai 2022 (Tan Metrik/ Ha)**

Wilayah	2021						2022						
	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul
Malaysia	1.30	1.44	1.45	1.46	1.41	1.26	1.10	0.99	1.18	1.17	1.20	1.27	1.28
Semenanjung Malaysia	1.42	1.55	1.48	1.51	1.44	1.24	1.08	1.07	1.32	1.28	1.30	1.38	1.40
Sabah/ Sarawak	1.20	1.35	1.42	1.41	1.38	1.27	1.11	0.93	1.06	1.07	1.11	1.17	1.18


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Dari segi perbandingan bulan ke bulan, pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing meningkat 1.8 peratus (Julai 2022: 1,573,560 tan metrik, Jun 2022: 1,545,103 tan metrik) dan 1.4 peratus (Julai 2022: 383,669 tan metrik, Jun 2022: 378,413 tan metrik). Pengeluaran minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung masing-masing turut meningkat sebanyak 2.8 peratus (Julai 2022: 180,612 tan metrik, Jun 2022: 175,731 tan metrik) dan 2.2 peratus (Julai 2022: 204,485 tan metrik, Jun 2022: 200,096 tan metrik).

**Carta 5: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Jun 2021 - Julai 2022**


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit pada Julai 2022 meningkat 10.7 peratus kepada 1,321,870 tan metrik berbanding 1,193,928 tan metrik pada Jun 2022. Dengan 258,819 tan metrik, India kekal sebagai negara pengimpor tertinggi, menyumbang 19.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit diikuti Iran (9.7%), Turkiye (7.9%), Philippines (6.5%) dan Kenya (5.7%).

**Carta 6: Eksport Minyak Sawit, Jun 2021 - Julai 2022**


Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import produk berkaitan minyak sawit menunjukkan peningkatan pada Julai 2022 berbanding pada Jun 2022. Import minyak sawit dan minyak isirung sawit masing-masing meningkat 120.7 peratus (Julai 2022: 130,615 tan metrik, Jun 2022: 59,195 tan metrik) dan 65.7 peratus (Julai 2022: 18,127 tan metrik, Jun 2022: 10,942 tan metrik). Pada masa yang sama, import isirung kelapa sawit turut meningkat 5.7 peratus kepada 1,023 tan metrik dari 968 tan metrik pada bulan sebelumnya.

**Carta 7: Import mengikut Produk Kelapa Sawit, Jun 2021 - Julai 2022**




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

## Getah

Pengeluaran getah asli meningkat 48.9 peratus pada Jun 2022 kepada 31,369 tan metrik berbanding 21,073 tan metrik pada Mei 2022. Perbandingan setahun yang lalu, pengeluaran menurun 19.2 peratus berbanding 38,807 tan metrik yang direkodkan pada bulan yang sama tahun 2021 (**Carta 8**).

**Carta 8: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2021 - Jun 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pekebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Jun 2022 iaitu 87.2 peratus (27,348 tan metrik) manakala selebihnya adalah dari sektor estet, 12.8 peratus (4,021 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan menunjukkan pengeluaran di kedua-dua sektor masing-masing meningkat kepada 55.7 peratus dan 14.5 peratus.

Analisis purata harga bulanan menunjukkan Lateks Pekat pada Jun 2022 merekodkan penurunan iaitu sebanyak 5.7 peratus berbanding pada bulan sebelumnya (Jun 2022: 632.69 sen sekilogram, Mei 2022: 670.69 sen sekilogram) manakala jenis Sekerap meningkat 2.9 peratus (Jun 2022: 582.21 sen sekilogram, Mei 2022: 565.84 sen sekilogram). Sementara itu, pergerakan harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) adalah dalam pertumbuhan bercampur dengan penurunan 5.6 peratus dan meningkat 1.2 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bulan ke bulan bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) pada Jun 2022 meningkat 1.2 peratus (daripada USD1.62/kg kepada USD1.64/kg) dan SGP/MYS (Singapore/Malaysia) bulan ke bulan pada Jun 2022 menurun 1.4 peratus (daripada USD2.06/kg kepada USD2.03/kg).


**Carta 9: Harga Purata Bulanan bagi Getah Asli, Jun 2021, Mei 2022 dan Jun 2022**



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli menurun 3.0 peratus pada Jun 2022 kepada 280,826 tan metrik berbanding 289,429 tan metrik pada Mei 2022 seperti yang ditunjukkan pada **Carta 10**. Manakala, penggunaan domestik juga menurun 3.7 peratus kepada 35,602 tan metrik berbanding 36,985 tan metrik pada Mei 2022.

**Carta 10: Stok Getah Asli, Januari 2021 - Jun 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 58,556 tan metrik pada Jun 2022 meningkat 35.6 peratus berbanding Mei 2022 (43,194 tan metrik). China terus mendominasi sebagai pengimpor tertinggi dengan 39.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport getah asli pada Jun 2022 diikuti USA (5.8%), Germany (5.3%), Finland (3.8%) dan Turkiye (2.7%).

## PERTANIAN

Sarung tangan getah merupakan eksport utama produk berdasarkan getah bernilai sebanyak RM3.2 bilion, peningkatan sebanyak 98.5 peratus dari Mei 2022 (RM1.6 bilion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah USA dengan nilai RM1,144.1 juta, China (RM200.0 juta) dan Germany (RM234.2 juta) seperti yang ditunjukkan di **Jadual 4**.

**Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, Mei 2022 dan Jun 2022**

Negara	Kuantiti (Tan metrik)		Nilai (RM juta)	
	Mei 2022	Jun 2022	Mei 2022	Jun 2022
United States of America	15,078	34,302	517.1	1,144.1
China	5,742	9,239	117.8	200.0
Germany	4,469	7,884	131.3	234.2
Japan	3,225	6,201	111.2	215.2
Brazil	1,946	4,829	40.6	91.2
Italy	2,357	2,912	53.7	71.0
Russia	754	2,803	19.8	70.1
United Kingdom	1,758	2,763	49.4	74.6
Netherlands	1,411	2,740	40.7	86.4
Spain	1,184	2,418	29.8	55.1


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Output bagi sektor Pembuatan dan Elektrik pada Jun 2022 mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan yang disokong oleh peningkatan dalam pengeluaran domestik serta prestasi yang menggalakkan daripada permintaan luaran. Kesan asas yang rendah pada bulan Jun 2021 juga turut melonjakkan pertumbuhan pada bulan ini.

IPP pada bulan Jun 2022 meningkat ketara sebanyak 12.1 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (**Carta 11**). Peningkatan IPP didorong oleh sektor Pembuatan, Elektrik dan Perlombongan dengan masing-masing merekodkan peningkatan 14.5 peratus, 14.1 peratus dan 2.1 peratus.

**Carta 11: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), Jun 2021 – Jun 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP mencatatkan pertumbuhan 14.5 peratus pada Jun 2022. Output berorientasikan domestik dan eksport masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 35.5 peratus (Mei 2022: 8.8%) dan 8.0 peratus (Mei 2022: 6.1%) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada output berorientasikan domestik adalah pembuatan produk tembakau, 2,765.0 peratus (Mei 2022: 4.6%), pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler, 179.3 peratus (Mei 2022: 14.4%) dan pembuatan produk galian bukan logam lain, 32.2 peratus (Mei 2022: 6.1%). Sementara itu, pertumbuhan dalam pengeluaran berorientasikan eksport adalah disumbangkan oleh pembuatan komputer, produk elektronik & optikal, 19.4 peratus (Mei 2022: 18.9%), diikuti oleh pembuatan kok dan produk petroleum bertapis, 11.0 peratus (Mei 2022: 2.0%) dan pembuatan perabot, 24.6 peratus (Mei 2022: 9.6%).


IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama menunjukkan pertumbuhan positif pada Jun 2022 seperti Singapore 10.1 peratus (Mei 2022: 11.3%), United States of America (USA) 3.9 peratus (Mei 2022: 4.7%), China 3.9 peratus (Mei 2022: 0.7%) dan South Korea 1.4 peratus (Mei 2022: 7.4%). Namun, Japan merekodkan penyusutan 3.1 peratus (Mei 2022: -2.8%).

Output sektor Perlombongan meningkat sebanyak 2.1 peratus pada bulan Jun 2022 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut dipacu oleh peningkatan 5.5 peratus dalam indeks Gas Asli. Sementara itu, indeks Minyak Mentah & Kondensat merosot 2.4 peratus.

Bagi perbandingan suku tahunan, IPP bagi suku tahun kedua 2022 berkembang sebanyak 6.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (**Carta 12**). Peningkatan ini disumbangkan oleh pertumbuhan dalam indeks Pembuatan (9.3%) dan indeks Elektrik (5.8%). Sementara itu, indeks Perlombongan menguncup 1.1 peratus.

## INDUSTRI DAN PEMBUATAN

**Carta 12: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Tahun ke Tahun (%), ST2 2021 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Jun 2022 berjumlah RM153.5 bilion, melonjak sebanyak 23.4 peratus (Mei 2022: 15.7%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2021 (**Carta 13**). Pertumbuhan nilai jualan dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (25.4%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (18.8%) dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Produk Logam yang Direka (43.2%).

Di samping itu, eksport Malaysia pada Jun 2022 mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 38.8 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya mencecah RM146.2 bilion. Pertumbuhan eksport dirangsang oleh permintaan yang lebih tinggi bagi produk elektrik dan elektronik (E&E), produk petroleum, gas asli cecair (LNG) dan minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit. Eksport ke pasaran utama terutamanya ASEAN, USA, Kesatuan Eropah (EU) dan Japan mencatatkan pertumbuhan dua digit. Eksport barangan perkilangan yang mewakili 83.5 peratus daripada jumlah eksport meningkat 33.8 peratus berjumlah RM122.1 bilion bagi perbandingan tahun ke tahun.

**Carta 13: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Jun 2021 – Jun 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada Jun 2022 adalah seramai 2.30 juta orang, bertambah 3.7 peratus berbanding 2.22 juta orang pada Jun 2021 (Mei 2022: 2.7%). Peningkatan jumlah pekerja terutamanya disokong oleh industri Elektrik & Elektronik (5.9%), Kelengkapan Pengangkutan & Pembuatan Lain (5.1%) dan Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas dan Produk Logam yang Direka (2.6%). Gaji & upah yang dibayar meningkat 6.2 peratus dengan jumlah RM7.8 bilion pada Jun 2022 berbanding bulan yang sama tahun 2021 (Mei 2022: 5.0%). Selain itu, purata gaji & upah setiap pekerja meningkat 2.4 peratus kepada RM3,401 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat 19.0 peratus kepada RM66,801 (Jun 2021: RM56,135).

Pada suku tahun kedua 2022, nilai jualan merekodkan peningkatan 17.4 peratus (ST1 2022: 12.8%) kepada RM443.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2021 (**Carta 14**). Pertumbuhan ini dipacu oleh Produk Elektrik & Elektronik (24.2%), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (11.1%) dan Produk Makanan, Minuman & Tembakau (16.5%). Bilangan pekerja pada tempoh tersebut bertambah 3.7 peratus (ST1 2022: 2.4%) kepada 2.30 juta orang manakala gaji & upah dibayar mencatatkan peningkatan 5.2 peratus (ST1 2022: 4.1%) kepada RM23.3 bilion. Nilai jualan per pekerja pada tempoh rujukan meningkat sebanyak 13.2 peratus (ST1 2022: 10.1%) kepada RM192,997.

**Carta 14: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, ST1 2020 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Pembuatan dijangka tumbuh perlahan pada bulan akan datang dipengaruhi oleh kesan tekanan peningkatan kos, momentum yang lemah dalam pertumbuhan eksport dan ketidaktentuan dalam landskap global.

## Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan terus memacu pertumbuhan ekonomi negara dengan hasil pada suku tahun kedua 2022 merekodkan RM506.5 bilion, meningkat 25.2 peratus berbanding pada suku tahun yang sama tahun 2021. Sementara itu, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 16.7 peratus kepada 136.3 mata pada suku tahun ini (**Carta 15**).

**Carta 15: Hasil dan Indeks Volum Sektor Perkhidmatan, Tahun ke Tahun (%), ST1 2018 - ST2 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi suku tahunan, jumlah hasil sektor Perkhidmatan pada suku tahun kedua 2022 meningkat sebanyak 7.1 peratus, dengan peningkatan sebanyak RM33.8 bilion didorong oleh peningkatan dalam subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan dan Penyimpanan, yang masing-masing meningkat sebanyak 8.1 peratus dan 8.9 peratus. Oleh itu, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 2.7 peratus.

Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan berkembang sebanyak 26.1 peratus (RM409.3 bilion) berbanding suku tahun yang sama tahun lepas (**Paparan 1**), manakala Indeks Volum meningkat 22.3 peratus pada suku tahun kedua 2022 untuk merekodkan 138.8 mata (**Paparan 2**). Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit mencatatkan pertumbuhan 25.3 peratus tahun ke tahun kepada RM390.3 bilion pada suku tahun kedua 2022 diterajui oleh aktiviti Perdagangan Runcit yang meningkat 29.2 peratus kepada RM165.7 bilion pada suku tahun kedua 2022 berikutan kenaikan nilai jualan bagi Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan (33.6%), Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barang Lain (31.0%), Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Bahan Api Kenderaan (62.5%) dan Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Peralatan Lain Isi Rumah (21.7%). Sementara itu, nilai jualan bagi aktiviti Perdagangan Borong meningkat 14.1 peratus kepada RM179.1 bilion, terutamanya disebabkan oleh Jualan Borong Barang Isi Rumah (25.8%), Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong (11.2%) dan Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (9.5%). Nilai jualan bagi aktiviti Kenderaan Bermotor meningkat 72.5 peratus kepada RM45.5 bilion.

Hasil subsektor Makanan dan Minuman melonjak 35.9 peratus (RM16.5 bilion) manakala Indeks Volum juga merekodkan pertumbuhan 29.4 peratus untuk mencatatkan 125.3 mata berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya.


Hasil subsektor Penginapan meningkat 191.2 peratus dengan merekodkan nilai RM2.6 bilion manakala Indeks Volum meningkat kepada 106.1 mata (ST2 2022).

Sementara itu, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan juga menunjukkan peningkatan 21.3 peratus kepada RM72.2 bilion berbanding suku tahun sama tahun sebelumnya. Pertambahan hasil dalam segmen ini disumbangkan oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang meningkat sebanyak 46.8 peratus pada suku tahun kedua 2022. Subsektor Maklumat & Komunikasi juga merekodkan peningkatan 6.5 peratus pada suku tahun ini. Indeks Volum bagi segmen ini mencatatkan peningkatan kepada 16.4 peratus dalam tempoh yang sama. Subsektor Maklumat & Komunikasi merekodkan peningkatan 5.9 peratus manakala Pengangkutan & Penyimpanan menunjukkan peningkatan 40.4 peratus.

Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi bertambah baik pada suku tahun ini dengan merekodkan nilai hasil RM15.1 bilion (24.4%) berbanding RM12.2 bilion (27.3%) pada suku tahun yang sama tahun lepas. Ini disebabkan terutamanya oleh subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi yang meningkat 93.0 peratus pada suku tahun kedua tahun 2022. Subsektor Pendidikan Swasta bertumbuh 7.5 peratus pada suku tahun kedua 2022, dengan kenaikan 3.9 peratus dalam Indeks Volum. Bagi subsektor Kesihatan Swasta pula, hasil meningkat sebanyak 11.5 peratus (ST2 2021: 25.9%) dengan Indeks Volum juga mencatatkan peningkatan sebanyak 5.7 peratus.


Hasil bagi segmen Profesional dan Ejen Hartanah merekodkan peningkatan sebanyak 20.0 peratus tahun ke tahun apabila hasil bagi subsektor Profesional naik 19.9 peratus (RM9.3 bilion) sementara hasil subsektor Ejen Hartanah pula merekodkan peningkatan 20.9 peratus.

## Paparan 1: Hasil Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 - ST2 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Paparan 2: Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100) mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 - ST2 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## PERKHIDMATAN

Pendapatan e-dagang Malaysia merekodkan RM288.2 bilion, meningkat 7.7 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2022. Berdasarkan perbandingan suku tahun sebelumnya, pendapatan e-dagang meningkat 3.6 peratus (**Carta 16**). Wabak COVID-19 secara tidak langsung telah merancakkan aktiviti e-dagang negara.

**Carta 16: Pendapatan E-dagang, ST1 2020 - ST2 2022 (RM Juta)**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jumlah pekerja dalam sektor ini berjumlah 3.8 juta orang, meningkat sebanyak 177.6 ribu orang atau 4.9 peratus tahun ke tahun. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 122.0 ribu orang atau 6.7 peratus, diikuti oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang meningkat sebanyak 32.7 ribu orang atau 10.3 peratus (**Paparan 3**).

Gaji dan upah yang dibayar meningkat sebanyak RM2.2 bilion atau 9.3 peratus tahun ke tahun. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang meningkat 11.1 peratus kepada RM13.8 bilion dan diikuti oleh Pengangkutan & Penyimpanan, naik 15.8 peratus kepada RM2.7 bilion.

**Paparan 3: Bilangan Pekerja mengikut Segmen, Tahun ke Tahun (%), ST1 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Imbangan Pembayaran

Sepanjang April hingga Jun 2022, statistik Imbangan Pembayaran Malaysia yang memaparkan transaksi antarabangsa di antara Malaysia dengan seluruh dunia menunjukkan lebihan berterusan dalam Imbangan Akaun Semasa (CAB) pada RM4.4 bilion, berbanding RM13.2 bilion pada suku tahun kedua 2021 (**Carta 17**).

Akaun barang mencatatkan eksport bersih yang lebih rendah iaitu RM34.0 bilion berbanding RM40.7 bilion pada suku kedua tahun sebelumnya apabila pertumbuhan import mengatasi eksport dalam keadaan permintaan domestik yang lebih kukuh. Eksport barang meningkat kepada RM295.8 bilion daripada RM243.9 bilion pada suku tahun sebelumnya, terutamanya disumbangkan oleh Elektrik & elektronik (E&E), produk berasaskan Petroleum dan Minyak sawit dan disalurkan ke Singapore, China dan United State of America (USA). Pada masa yang sama, import barang turut meningkat 28.8 peratus daripada suku kedua tahun sebelumnya untuk merekodkan RM261.8 bilion, disumbangkan oleh import yang lebih tinggi oleh barang Perantaraan dan Penggunaan, terutamanya dari China, Singapore dan Taiwan.

**Carta 17: Akaun Semasa, 2019 - 2021 dan ST1 2019 - ST2 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perkhidmatan mencatatkan defisit RM12.3 bilion berbanding defisit RM15.2 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Defisit yang lebih rendah ini disumbangkan oleh pemulihan dalam Perjalanan. Berdasarkan perbandingan tahun ke tahun, kedua-dua eksport dan import Perkhidmatan menunjukkan trend peningkatan dengan eksport meningkat 48.6 peratus kepada RM31.5 bilion, manakala import turut meningkat 20.1 peratus kepada RM43.8 bilion pada suku tahun kedua 2022. Komponen Perjalanan dan Pengangkutan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan eksport dan import perkhidmatan.

Perjalanan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada suku tahun ini susulan pembukaan semula sempadan Malaysia kepada ketibaan pelancong antarabangsa bermula April 2022. Perbelanjaan pelancong asing di Malaysia telah meningkat dengan signifikan kepada RM5.6 bilion berbanding RM66 juta pada suku kedua tahun lepas. Ini memberi kesan kepada Perjalanan yang mencatatkan defisit yang lebih rendah RM0.5 bilion memandangkan eksport perjalanan meningkat pada kadar yang lebih pantas berbanding import. Pada masa yang sama, Pengangkutan mencatatkan defisit RM9.3 bilion disebabkan oleh bayaran yang lebih tinggi untuk aktiviti pengangkutan, selari dengan import barang.

## SEKTOR LUARAN

Jadual 5: Ringkasan Imbangan Pembayaran, 2019 - 2021 dan ST1 2019 - ST2 2022

	ST2 2022	ST2 2021
<b>Imbangan Akaun Semasa</b>	<b>Lebihan RM4.4b</b>	<b>Lebihan RM13.2b</b>
Barangan	Lebihan RM34.0b	Lebihan RM40.7b
Perkhidmatan	Defisit RM12.3b	Defisit RM15.2b
Pendapatan Primer	Defisit RM14.7b	Defisit RM10.8b
Pendapatan Sekunder	Defisit RM2.6b	Defisit RM1.4b
<b>Akaun Kewangan</b>	<b>Aliran Masuk Bersih RM0.2b</b>	<b>Aliran Masuk Bersih RM4.1b</b>
<b>Aset Rizab (pada akhir)</b>	<b>RM480.0b</b>	<b>RM461.5b</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Berdasarkan akaun Pendapatan, Pendapatan Primer merekodkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM14.7 bilion berbanding RM10.8 bilion pada suku kedua tahun lepas. Ini disebabkan oleh terimaan yang lebih tinggi RM25.3 bilion, melonjak 31.0 peratus daripada suku tahun sebelumnya dalam Pelaburan Langsung. Sementara itu, bayaran bagi akaun ini meningkat kepada RM40.0 bilion berbanding RM30.1 bilion pada suku sama tahun sebelumnya khusus dalam Pelaburan Langsung.

Sebaliknya, pendapatan Sekunder mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM2.6 bilion berbanding RM1.4 bilion pada suku tahun kedua 2021. Akaun ini mencatatkan terimaan RM5.7 bilion daripada RM5.8 bilion, manakala bayaran RM8.3 bilion (S2 2021: RM7.2 bilion), terutamanya disumbangkan oleh kiriman wang pekerja asing.

## Prestasi Pelaburan

Pada suku tahun kedua 2022, Pelaburan Langsung Asing (FDI) merekodkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM17.3 bilion berbanding RM11.7 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya (**Carta 18**). Asia menjadi rantau terbesar dalam aliran masuk berjumlah RM8.4 bilion, di mana pelaburan ini disalurkan terutamanya dari Singapore (RM3.5 bilion). Ini diikuti oleh rantau Amerika pada RM7.4 bilion dan Eropah pada RM0.9 bilion. Sektor Pembuatan kekal sebagai sektor utama bagi FDI, menyumbang aliran masuk berjumlah RM10.6 bilion. Pelaburan kedua tertinggi adalah sektor Perkhidmatan dengan aliran masuk RM5.5 bilion, diikuti oleh Perlombongan & pengkuarian RM1.3 bilion.

**Carta 18: Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, 2019 - 2021 dan ST1 2019 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar

Sementara itu, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia merekodkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM14.7 bilion berbanding RM3.5 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya (**Carta 19**). Sama seperti FDI, Pelaburan Langsung Malaysia kebanyakannya tertumpu di rantau Asia, dengan aliran keluar RM8.3 bilion, terutamanya ke Singapore sebanyak RM4.0 bilion. Ini diikuti oleh rantau Amerika pada RM6.1 bilion dan Afrika pada RM0.5 bilion. Dari segi sektor, Perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada aliran keluar DIA sebanyak RM11.7 bilion pada suku tahun ini, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pertanian yang masing-masing berjumlah RM2.6 bilion dan RM0.8 bilion.

**Carta 19: Aliran Pelaburan Langsung Luar Negeri (DIA) di Malaysia, ST1 2019 - ST2 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Nilai negatif merujuk kepada aliran keluar

## Perdagangan Barang


Suku tahun kedua (ST2) 2022 menyaksikan pelbagai perkembangan signifikan dalam kesihatan awam dan ekonomi negara. Melangkah ke ST2 2022, Malaysia berada dalam fasa peralihan ke endemik pada April 2022, disusuli oleh pelaksanaan pelbagai kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 pada Mei. Perkembangan ini disambut baik oleh rakyat dan para komuniti perniagaan, merancakkan lagi aktiviti sosial dan ekonomi domestik. Seiring perkembangan tersebut, perdagangan barang Malaysia meneruskan prestasi positif pada ST2 2022 dengan jumlah perdagangan meningkat kepada nilai tertinggi baharu RM730.4 bilion daripada RM550.4 bilion pada ST2 2021, peningkatan 32.7 peratus. Ekspor berkembang 30.0 peratus kepada RM336.1 bilion, manakala import melonjak 36.1 peratus kepada RM394.2 bilion. Imbangan perdagangan merekodkan lebih RM58.1 bilion, meningkat 3.2 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Pada asas suku tahunan, eksport dan import serta jumlah dagangan masing-masing meningkat 14.3 peratus, 20.1 peratus dan 16.9 peratus, manakala imbangan dagangan menyusut 10.6 peratus.

Sementara itu, jumlah dagangan Malaysia pada Jun 2022 sekali lagi mencatatkan paras tertinggi baharu, melonjak 43.4 peratus daripada RM188.5 bilion pada Jun 2021 kepada RM270.4 bilion. Ekspor meningkat 38.8 peratus kepada RM146.2 bilion, manakala import naik 49.3 peratus kepada RM124.2 bilion. Lebihan dagangan pula merosot 0.8 peratus berbanding setahun yang lalu kepada RM21.9 bilion. Berbanding Mei 2022, kesemua eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan meningkat dengan masing-masing sebanyak 21.3 peratus, 15.2 peratus, 18.4 peratus dan 72.7 peratus. Bagi tempoh separuh tahun pertama 2022, jumlah dagangan, eksport dan import mengekalkan momentum pertumbuhan dua angka. Jumlah dagangan meningkat 28.2 peratus, disokong oleh peningkatan dalam eksport (+26.1%) dan import (+30.9%). Sementara itu, lebihan dagangan meningkat 6.7 peratus.

Dari perspektif rakan dagangan, kenaikan tahunan eksport pada ST2 2022 didorong terutamanya oleh pengembangan eksport ke Singapore yang meningkat RM15.8 bilion, diikuti oleh European Union (EU) (+RM8.4 bilion), United States of America (USA) (+RM7.7 bilion), Hong Kong (+RM6.5 bilion) dan Japan (+RM5.5 bilion). Sementara itu, peningkatan import pula disokong oleh pertambahan import dari Singapore (+RM15.8 bilion), diikuti oleh China (+RM9.9 bilion), Taiwan (+RM8.0 bilion), USA (+RM6.5 bilion) dan Indonesia (+RM6.4 bilion). Perdagangan Malaysia pada ST2 2022 disokong terutamanya oleh China, Singapore, USA dan EU dengan jumlah sumbangan 46.7 peratus (ST2 2021: 48.7%).

Eksport Malaysia pada ST2 2022 meningkat 30.0 peratus daripada RM303.3 bilion pada ST2 2021 kepada RM394.2 bilion. Kenaikan ini disokong oleh peningkatan kukuh secara berterusan eksport Barang elektrik dan elektronik (E&E) (+RM39.7 bilion, +37.6%), Keluaran petroleum bertapis (+RM15.5 bilion, +68.4%), Minyak kelapa sawit & dan hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit (+RM12.9 bilion, +48.8%) dan Gas asli cecair (LNG) (+RM7.1 bilion, +83.6%) seperti di **Carta 20**. Sementara itu, eksport Sarung tangan getah mengekalkan trend penurunan (-RM13.1 bilion, -69.9%) bagi tiga suku tahun berturut-turut berikutan penurunan volum yang ketara. Barang E&E, Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berasaskan minyak kelapa sawit dan Keluaran petroleum bertapis merupakan produk eksport utama Malaysia pada ST2 2022 dengan sumbangan agregat 56.6 peratus (ST2 2021: 51.1%).


**Carta 20: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), ST2 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import Malaysia terus melonjak pada ST2 2022, mengatasi peningkatan prestasi eksport dengan mencatatkan pertumbuhan 36.1 peratus tahun ke tahun daripada RM247.0 bilion kepada RM336.1 bilion seperti yang ditunjukkan oleh kesemua sepuluh produk utama di **Carta 21**. Pemacu utama kepada peningkatan import ialah Barangan E&E dengan kenaikan yang lebih kukuh RM28.2 bilion (+38.3%). Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah yang masing-masing meningkat RM16.1 bilion (71.3%) dan RM6.7 bilion (+156.5%), menunjukkan peningkatan bagi suku tahun kelima berturut-turut. Pada masa yang sama, prestasi import Emas, bukan bentuk wang memulih dengan merekodkan kenaikan (+RM2.1 bilion, +56.5%) setelah mencatatkan kejatuhan pada suku tahun sebelumnya. Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Petroleum mentah menjadi penyumbang utama kepada import Malaysia pada ST2 2022 dengan sumbangan kumulatif 45.1 peratus (ST2 2021: 40.7%).

**Carta 21: Perubahan Peratusan Tahunan Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih (%), ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## SEKTOR LUARAN

Di sebalik senario ekonomi global yang tidak menentu, eksport dan import oleh rakan dagangan utama mengekalkan pertumbuhan positif pada ST2 2022 kecuali eksport oleh Hong Kong seperti di **Carta 22**.

**Carta 22: Perubahan Peratusan Tahunan Eksport dan Import bagi 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia (%), ST2 2022**



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi ST2 2022 menunjukkan jumlah dagangan meningkat daripada RM180.0 bilion atau 32.7 peratus kepada RM730.4 bilion, tahun ke tahun. Peningkatan jumlah dagangan disumbangkan oleh prestasi yang memberangsangkan terutamanya Pulau Pinang meningkat RM63.8 bilion (+46.9%), diikuti oleh Johor RM36.8 bilion (+31.5%), Selangor RM26.3 bilion (+20.3%), W.P. Kuala Lumpur RM16.0 bilion (+53.8%), Sarawak RM15.8 bilion (+60.2%), Kedah RM7.6 bilion (+32.1%), Negeri Sembilan RM3.3 bilion (+23.2%), Sabah RM3.2 bilion (+30.1%), W.P. Labuan RM2.7 bilion (+140.6%), Pahang RM2.3 bilion (+17.2%), Perak RM1.1 bilion (+5.9%), Melaka RM472.4 juta (+2.8%) dan Perlis RM105.1 juta (+18.9%). Walau bagaimanapun, penurunan jumlah dagangan direkodkan di Terengganu RM1.7 bilion (-22.1%) dan Kelantan RM176.6 juta (-10.3%) seperti di **Paparan 4**.

Jumlah eksport meningkat RM90.9 bilion atau 30.0 peratus kepada RM394.2 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan didorong oleh eksport yang lebih tinggi terutamanya oleh Pulau Pinang (+RM38.3 bilion), Johor (+RM19.8 bilion), Sarawak (+RM13.1 bilion), Selangor (+RM10.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM5.5 bilion), Kedah (+RM3.0 bilion), Sabah (+RM3.0 bilion), W.P. Labuan (+RM2.3 bilion), Pahang (+RM265.2 juta), Kelantan (+RM139.9 juta) dan Perlis (+RM72.7 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Melaka (-RM1.8 bilion), Terengganu (-RM1.7 bilion), Perak (-RM717.6 juta) dan Negeri Sembilan (-RM428.3 juta).

Pada masa yang sama, import meningkat RM89.1 bilion atau 36.1 peratus kepada RM336.1 bilion. Peningkatan import yang lebih tinggi disebabkan oleh import dari Pulau Pinang (+RM25.5 bilion), Johor (+RM17.1 bilion), Selangor (+RM16.1 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM10.5 bilion), Kedah (+RM4.6 bilion), Negeri Sembilan (+RM3.7 bilion), Sarawak (+RM2.7 bilion), Melaka (+RM2.3 bilion), Pahang (+RM2.0 bilion), Perak (+RM1.8 bilion), W.P. Labuan (+RM420.7 juta), Sabah (+RM252.9 juta), Perlis (+RM32.4 juta) dan Terengganu (+RM22.0 juta). Walau bagaimanapun, import menyusut di Kelantan (-RM316.5 juta).

Lima negeri kekal menguasai eksport negara, dengan menyumbang 82.7 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 30.4 peratus, diikuti oleh Johor (21.8%), Selangor (17.1%), Sarawak (8.5%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.3%). Sementara itu, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang utama dengan 25.5 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (23.7%), Johor (20.2%), W.P. Kuala Lumpur (8.6%) dan Kedah (5.4%).

## Paparan 4: Eksport dan Import mengikut Negeri, ST2 2021 dan ST2 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Jumlah dagangan Malaysia meningkat sebanyak 39.8 peratus tahun ke tahun kepada RM252.6 bilion pada Julai 2022, menunjukkan pertumbuhan dua angka selama 18 bulan berturut-turut sejak Februari 2021. Eksport berkembang 38.0 peratus berbanding Julai 2021 kepada RM134.1 bilion, seiring peningkatan dalam eksport domestik (+33.4%) dan eksport semula (+55.1%). Pertumbuhan import terus mengatasi eksport pada Julai 2022, meningkat 41.9 peratus untuk mencatat RM118.6 bilion. Import mengikut penggunaan akhir mencatatkan pertumbuhan tahunan positif dengan peningkatan dalam barang perantaraan (+32.2%), barang modal (+29.6%) dan barang penggunaan (+33.2%). Imbangan dagangan kekal dengan lebihan pada RM15.5 bilion meningkat 14.3 peratus daripada tahun sebelumnya, merekodkan lebihan bulan ke-27 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding Jun 2022, eksport, import, jumlah dagangan dan lebihan dagangan menyusut masing-masing 8.2 peratus, 4.5 peratus, 6.5 peratus dan 29.1 peratus.

Merujuk kepada Global Trade Update oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) yang diterbitkan pada 7 Julai 2022, pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan daripada jangkaan, ketidakstabilan harga komoditi, faktor geopolitik dan keimbangan terhadap kemampuan hutang berkemungkinan mempengaruhi perkembangan perdagangan global pada tempoh selanjutnya tahun ini.

Nota: Artikel ini merujuk kepada statistik awalan daripada penerbitan bulan rujukan.

## SENARIO BURUH

### Senario Buruh


Situasi tenaga buruh bertambah baik berikutan norma baharu bagi semua aktiviti ekonomi secara beransur-ansur sejajar dengan fasa peralihan ke endemik dan pembukaan semula sempadan antarabangsa berkuat kuasa pada 1 April 2022. Selain perayaan Ramadan dan Aidilfitri yang disambut pada suku tahun tersebut, situasi ekonomi dilihat berada di landasan positif apabila sempadan negara dibuka semula setelah ditutup sejak dua tahun lalu. Oleh itu, keadaan ini telah mempengaruhi prestasi ekonomi yang lebih optimis dan mengukuhkan keadaan tenaga buruh apabila peluang pekerjaan meningkat kerana perniagaan memerlukan lebih ramai pekerja untuk menampung operasi perniagaan mereka.

Selain itu, tenaga buruh dilihat berada dalam proses pemulihian pada suku tahun tersebut, selaras dengan perkembangan ekonomi semasa disebabkan negara berada di fasa peralihan ke endemik. Oleh itu, ini mendorong situasi tenaga buruh menjadi lebih stabil kerana lebih banyak permintaan terhadap guna tenaga diperlukan di pasaran, sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Keadaan ini dicerminkan oleh peningkatan berterusan tenaga buruh Malaysia pada ST2 2022, dengan peningkatan bilangan penduduk bekerja manakala pengangguran terus menurun, mencatatkan kadar pengangguran terendah sejak pandemik.

### Penawaran Buruh

Bagi prestasi tenaga buruh pada ST2 2022, bilangan penduduk bekerja bertambah sebanyak 3.2 peratus (+493.9 ribu orang) merekodkan 15.70 juta orang berbanding ST2 2021 (15.21 juta orang). Seterusnya, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga meningkat sebanyak 0.9 mata peratus kepada 66.5 peratus (ST2 2021: 68.3 peratus). Begitu juga, suku tahun ke suku tahun, bilangan penduduk bekerja terus berada dalam trend menaik, meningkat sebanyak 126.3 ribu orang (0.8%) bersamaan dengan 0.3 mata peratus dalam nisbah guna tenaga kepada penduduk (ST1 2022: 15.57 juta orang; 66.2%) seperti ditunjukkan pada **Carta 23**.

**Carta 23: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, ST1 2020 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berikutan pengoperasian yang berterusan bagi semua aktiviti perniagaan pada ST2 2022, ia diperhatikan bahawa bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu menurun kepada 324.5 ribu orang berbanding pada ST2 2021 (324.5 ribu orang). Situasi ini tidak begitu ketat seperti pada ST2 2021 yang mana PKP di seluruh negara dilaksanakan pada pertengahan bulan Mei dan *total lockdown* sepanjang bulan Jun. Begitu juga, bilangannya lebih kecil sebanyak 11.8 ribu orang (-3.5%) berbanding suku tahun sebelumnya (S1 2022: 336.3 ribu orang). Selaras dengan itu, sumbangan peratus mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu daripada jumlah penduduk bekerja dicatatkan pada 2.1 peratus pada suku tahun ini.

Sejajar dengan itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa atau penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu dan mampu serta sanggup bekerja lebih tambahan jam berkurang kepada 212.8 ribu orang dengan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa sebanyak 1.4 peratus (ST1 2022: 245.1 ribu orang; 1.6%). Penurunan itu kemungkinan besar disebabkan oleh pengoperasian semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial dengan waktu operasi perniagaan yang lebih panjang pada suku tahun ini (**Carta 24**).


**Carta 24: Penduduk Bekerja Kurang dari 30 Jam Seminggu dan Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Masa, ST1 2020 - ST2 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada masa yang sama, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang terdiri daripada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar tetapi bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah jatuh sebanyak 2.9 peratus kepada 1.80 juta orang dengan sumbangan 36.7 peratus daripada jumlah penduduk bekerja yang berpendidikan tertiar (ST2 2021: 1.85 juta orang; 37.7%). Perbandingan suku tahunan, bilangan itu juga menurun sebanyak 0.6 peratus berbanding suku tahun sebelumnya (1.81 juta orang) seperti ditunjukkan pada **Carta 25**.

**Carta 25: Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Kemahiran, ST1 2020 - ST2 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Analisis terperinci berkenaan situasi pengangguran pada ST2 2022 menunjukkan bahawa bilangan penganggur menurun sebanyak 122.9 ribu orang (16.1%) mencatatkan 642.0 penganggur berbanding 764.9 penganggur pada ST2 2021. Oleh itu, kadar pengangguran yang lebih rendah dicatatkan pada 3.9 peratus, menurun sebanyak 0.9 mata peratus berbanding empat suku tahun sebelumnya (ST2 2021: 4.8 peratus). Kadar ini merupakan rekod terendah sejak krisis pra-pandemik pada ST2 2020 (5.1%). Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, kadar pengangguran juga turun sebanyak 0.3 mata peratus bersamaan dengan 29.2 ribu orang. Begitu juga, kadar pengangguran belia berumur 15-24 tahun turun kepada 11.0 peratus tahun ke tahun manakala berkurang sebanyak 0.1 mata peratus pada suku tahun ke suku tahun (ST1 2022: 11.1 peratus). seperti ditunjukkan pada **Carta 26**.

## SENARIO BURUH

**Carta 26: Penganggur dan Kadar Pengangguran, ST1 2020 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Penawaran Buruh

Statistik permintaan buruh merujuk kepada pengguna dan penggunaan input buruh, yang dinyatakan oleh *International Labour Organization*. Berdasarkan Survei Guna Tenaga Suku Tahunan, jumlah jawatan dalam sektor ekonomi adalah sebanyak 8.62 juta jawatan pada ST2 2022, mencatatkan peningkatan sebanyak 3.2 peratus (266.9 ribu) berbanding 8.35 juta jawatan pada ST2 2021. Analisis mengikut prestasi suku tahun ke suku tahun, trend yang sama dilihat dengan positif 0.5 peratus (46.7 ribu) berbanding 8.57 juta jawatan yang direkodkan pada ST1 2022.

Kadar jawatan diisi menurun sedikit sebanyak 0.1 mata peratus tahun ke tahun kepada 97.8 peratus bagi tiga suku tahun berturut-turut sejak ST4 2021 (ST2 2021: 97.9 peratus). Walau bagaimanapun, bilangan jawatan yang diisi meningkat sebanyak 3.1 peratus tahun ke tahun (253.7 ribu) kepada 8.43 juta (ST2 2021: 8.17 juta jawatan diisi). Perbandingan suku tahun ke suku tahun, jawatan yang diisi juga meningkat sebanyak 0.5 peratus (39.7 ribu jawatan diisi). Dari segi kekosongan jawatan, jumlah kekosongan jawatan mencatatkan peningkatan sebanyak 13.3 ribu kekosongan jawatan pada ST2 2022 kepada 191.3 ribu (S2 2021: 178.0 ribu kekosongan). Oleh itu, kadar kekosongan jawatan meningkat 0.1 mata peratus kepada 2.2 peratus tahun ke tahun manakala kadarnya tidak berubah pada 2.2 peratus bagi perbandingan suku tahunan (**Carta 27**).

**Carta 27: Jawatan dan Kadar Jawatan Diisi & Kekosongan Jawatan, ST1 2020 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi aktiviti ekonomi, sektor Perkhidmatan mencatatkan lebih separuh daripada kekosongan jawatan dan jawatan diisi pada suku tahun ini masing-masing sebanyak 51.9 peratus dan 52.7 peratus. Sementara itu, kedua terbesar ialah sektor Pembuatan dengan sumbangan 27.4 peratus dalam jawatan dan 26.7 peratus dalam jawatan diisi. Pada masa yang sama, kekosongan jawatan adalah tertumpu dalam sektor Pembuatan (56.2%), Pertanian (16.4%) dan Perkhidmatan (15.5%).

Pada asas tahunan dan suku tahunan, trend positif telah ditunjukkan bagi pewujudan jawatan, dengan pertambahan masing-masing sebanyak 13.2 ribu dan 3.6 ribu pewujudan jawatan kepada 29.4 ribu jawatan (ST2 2021: 16.2 ribu; ST1 2022: 25.8 ribu). Dari segi kategori kemahiran, kebanyakan jawatan yang diwujudkan adalah dalam kategori separuh mahir, merangkumi 59.7 peratus atau bersamaan dengan 17.6 ribu pewujudan jawatan yang sebahagian besarnya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit dan Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan. Ini diikuti oleh kategori mahir (24.9 peratus) seperti ditunjukkan pada **Carta 28**.


**Carta 28: Jawatan Diisi mengikut Kemahiran, ST1 2020 - ST2 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada ST2 2022, bilangan kekosongan jawatan menunjukkan trend yang sama bagi perbandingan tahun ke tahun (ST2 2021: 178.0 ribu; +7.5%) dan suku tahun ke suku tahun (ST1 2022: 184.3 ribu; +3.8%) merekodkan 191.3 ribu kekosongan jawatan. Lebih separuh daripada kekosongan jawatan adalah dalam sektor Pembuatan dengan sumbangan 55.9 peratus, yang sebahagian besarnya dalam subsektor produk Elektrik, elektronik dan optikal dan diikuti oleh Petroleum, kimia, getah dan produk plastik. Kategori separuh mahir menyumbang 55.0 peratus atau bersamaan 105.1 ribu kekosongan jawatan, diikuti oleh mahir (25.8 peratus) dan berkemahiran rendah (19.2 peratus) seperti ditunjukkan pada **Carta 29**.

**Carta 29: Kekosongan Jawatan mengikut Kemahiran, ST1 2020 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selaras dengan itu, bilangan pewujudan jawatan telah meningkat kepada 25.9 ribu yang merupakan rekod tertinggi dalam tempoh pandemik dan lebih tinggi daripada tahap pra-pandemik. Bilangan pewujudan jawatan meningkat dari tahun ke tahun dan juga suku tahun ke suku tahun masing-masing sebanyak 13.2 ribu dan 3.6 ribu orang. Sebanyak 52.5 peratus pewujudan jawatan disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit dengan sumbangan sebanyak 22.6 peratus. Dari segi kategori kemahiran, kebanyakan jawatan yang diwujudkan adalah dalam kategori separuh mahir iaitu sebanyak 59.7 peratus dan diikuti kategori mahir sebanyak 31.5 peratus **Carta 30**.

## SENARIO BURUH

**Carta 30: Pewujudan Jawatan mengikut Kemahiran, ST1 2020 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Produktiviti Buruh

Produktiviti buruh Malaysia seperti yang dinyatakan dari segi nilai tambah per jam bertambah baik pada suku tahun tersebut, meningkat sebanyak 1.3 peratus tahun ke tahun kepada RM23,322 per pekerja berbanding ST2 2021 (RM23,124 per peerja). Bilangan jawatan terus meningkat bagi suku tahun kelima, meningkat sebanyak 5.5 peratus merekodkan 15.70 juta orang pada suku tahun ini berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (S2 2021: 2.2 peratus; 15.20 juta orang) seperti ditunjukkan pada **Carta 31**.

Mengikut sektor ekonomi, produktiviti buruh per pekerja dalam sektor Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan positif pada ST2 2022 manakala sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian mencatatkan penurunan. Berbanding suku tahun sebelumnya, produktiviti buruh per pekerja dalam sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan lebih pantas sebanyak 7.5 peratus pada ST2 2022 berbanding 3.5 peratus pada ST1 2022 manakala sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan 4.0 peratus berbanding 2.8 peratus pada suku tahun sebelumnya. Dalam pada itu, sektor Pertanian mencatatkan negatif 1.7 peratus selepas merekodkan peningkatan selama dua suku tahun berturut-turut (ST1 2022: 0.9 peratus) dan sektor Perlombongan & pengkuarian kekal dalam trend menurun.

**Carta 31: Produktiviti Buruh per Pekerja, ST1 2020 - ST2 2022**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada jumlah jam bekerja pada S2 2022, jumlah itu meningkat sebanyak 7.5 peratus untuk merekodkan 8.94 bilion jam berbanding empat suku tahun sebelumnya (S2 2021: -0.8 peratus; 8.54 bilion jam). Seterusnya, produktiviti buruh yang diukur mengikut nilai tambah per jam bekerja meningkat sebanyak 1.3 peratus kepada RM41 per jam pada suku tahun tersebut berbanding trend negatif pada ST1 2021 (-13.1 peratus; RM40). Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah jam bekerja juga meningkat sebanyak 4.6 peratus mencatatkan produktiviti buruh RM40.20 per jam (**Carta 32**).

Mengikut sektor ekonomi, semua sektor terus mencatatkan pengurangan produktiviti buruh per jam bekerja pada ST2 2022 kecuali bagi sektor Perkhidmatan yang meningkat sebanyak 4.0 peratus berbanding pada ST1 2022 (1.2 peratus). Selain sektor Pembinaan yang mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada -5.2 peratus (ST1 2022: -8.2%), sektor Perlombongan & pengkuarian juga berkurang sebanyak -5.1 peratus (ST1 2022: -4.8%) dan diikuti oleh sektor Pertanian yang terus merekodkan penurunan produktiviti buruh per jam bekerja sebanyak -3.5 peratus (ST1 2022: -0.3%).

**Carta 32: Produktiviti Buruh per Jam Bekerja, ST1 2020 - ST2 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Aktiviti ekonomi yang semakin rancak pada ST2 2022 telah membolehkan aktiviti perniagaan rancak selepas menghadapi cabaran krisis kesihatan yang berpanjangan. Aktiviti ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik seperti industri pelancongan dan industri berkaitan pelancongan dilihat semakin pulih dengan peningkatan jumlah pelancong pada ST2 2022, sekali gus membolehkan aktiviti perniagaan kembali pulih. Pengoperasian semua aktiviti ekonomi pada suku tahun tersebut turut menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan kerana perniagaan memerlukan lebih ramai pekerja bagi menampung operasi perniagaan mereka. Selain itu, Malaysia optimis bahawa pemulihan ekonomi akan kekal berdaya tahan pada suku tahun akan datang, disokong oleh pelbagai inisiatif dan inisiatif kerajaan yang berkesan terhadap situasi semasa. Seterusnya, keperluan buruh juga dilihat semakin meningkat selaras dengan perkembangan aktiviti ekonomi. Oleh itu, dengan perkembangan positif ini, pasaran buruh dijangka terus pulih pada suku tahun yang akan datang.

## Indeks Harga Pengguna

Inflasi Malaysia seperti yang diukur oleh indeks harga pengguna (CPI) meningkat 3.4 peratus kepada 127.4 pada Jun 2022 berbanding 123.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Indeks Makanan meningkat 6.1 peratus kekal menjadi penyumbang utama kenaikan inflasi bulan ini. Item makanan masih menunjukkan peningkatan yang tinggi terutamanya subkumpulan Daging; Sayur-sayuran; Tepung; Susu, keju & telur serta Roti. Ini seiring dengan trend harga komoditi berkaitan makanan dunia yang turut menunjukkan peningkatan tinggi disebabkan oleh kesan input pengeluaran makanan seperti beras (84.7%), gandum (60.9%) dan jagung (14.8%).

SSelain daripada kumpulan Makanan, kesemua kumpulan lain juga terus merekodkan peningkatan kecuali Komunikasi yang kekal tidak berubah berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Pengangkutan meningkat 5.4 peratus diikuti oleh Restoran & Hotel (5.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.4%); Pelbagai Barang & Perkhidmatan (2.2%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (2.2%). Sementara itu, Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain mencatatkan peningkatan 1.2 peratus dan Pendidikan meningkat 1.1 peratus. Kedua-dua kumpulan Kesihatan dan Minuman Alkohol & Tembakau masing-masing merekodkan kenaikan marginal sebanyak 0.6 peratus dan 0.4 peratus berbanding Jun 2021 (**Carta 33**).


**Carta 33: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Tahun ke Tahun (%), Jun 2021 - Jun 2022**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi Pengangkutan menunjukkan peningkatan 5.4 peratus pada Jun 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh kenaikan subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian (6.6%). Namun begitu, penurunan subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan (-1.4%) telah meredakan inflasi kumpulan ini.

Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 meningkat sebanyak 80.0 peratus (RM4.77 seliter) berbanding RM2.65 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan harga minyak ini adalah kesan daripada peningkatan harga minyak mentah Brent (64.3%) kepada \$AS120.08 setong pada Jun 2022 (**Carta 34**).

**Carta 34: Purata Harga Bahan Api, Jun 2021 - Jun 2022**


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

